

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEMERDEKAAN AMERIKA SYARIKAT

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan

tahniah kepada Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J.



Trump bersempena dengan Hari Kemerdekaan negara tersebut.



Berita Utama



132 pelajar cemerlang diraikan

Muka 7



EKSPO ketengahkan hasil produk perabot, kraf tangan para banduan

Muka 13



8 pelajar hadiri Singapore Youth Festival 2025 Celebrations

Muka 18



MEMANFAATKAN penggunaan AI

Muka 27

Berangkat mengurniakan Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BERAKAS, Rabu, 2 Julai. - Projek 'Novel Filter-Less Single-Source Extendable Switched-Capacitor Boost Multilevel Inverter Suitable for Renewable and Industrial Applications' hasil oleh Dr. Law Kah Haw dan Awang Mohammad Asri bin Puasa diumumkan sebagai penerima Anugerah Khas CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota (The Crown Prince Special CIPTA Award) 2025.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah tersebut kepada penerima iaitu wang tunai sebanyak BND8,000 berserta piala pada majlis yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa,

Berakas, hari ini.

Pada majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah selaku Penaung Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 juga berkenan mengurniakan hadiah berupa wang tunai, piala dan sijil kepada semua peserta pertandingan iaitu Local Categories 1, 2 dan 3, Smart Junior Competition dan Kategori ASEAN.

>> Muka 3

Menjana cadangan penyelidikan dasar, rangka hala tuju bagi penyelidikan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

JERUDONG, Khamis, 3 Julai. - Sejak penubuhannya sebagai komponen Kolej SEAMEO pada tahun 2013 dan penubuhan rasminya pada Mac 2016, Rangkaian Penyelidikan Dasar (CPRN) Pusat SEAMEO telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kerelevanan dan kepekaan Pusat-pusat SEAMEO dan Sekretariat terhadap keperluan penyelidikan dasar oleh para pemimpin pendidikan di Asia Tenggara.

Perjalanan ini ditandai dengan pencapaian penting dan aktiviti penyelidikan yang memberi impak besar.

Daripada meneroka penerapan biodiversiti dalam pendidikan alam sekitar seperti yang ditunjukkan oleh SEAMEO BIOTROP, hinggalah menangani isu-isu kritikal dalam pendidikan STEM, Pusat-pusat SEAMEO telah giat menjalankan pelbagai penyelidikan.

"Aktiviti penyelidikan yang telah dan sedang dijalankan ini bukan sekadar usaha akademik semata-mata; ia merupakan sumbangan penting yang memaklumkan dasar, membentuk amalan pendidikan dan akhirnya meningkatkan kualiti hidup jutaan orang di rantau ini.

"Penyelidikan ini mencerminkan hakikat peranan kolektif kita sebagai badan pemikir serantau, yang secara proaktif menjalankan penyelidikan yang boleh dipercayai dan sah, sejajar dengan dan sering kali mendahului arus pembangunan".

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Presiden Majlis SEAMEO menyatakan perkara tersebut semasa berucap pada Majlis Perasmian Sidang Kemuncak CPRN Pusat SEAMEO yang berlangsung di The Empire Brunei, di sini.

>> Muka 8

Pendidikan berkualiti tingkatan kehidupan dalam komuniti

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

SEGALA puji hanya bagi Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia dan belas kasihan-Nya membolehkan kita hadir di Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara Kali Ke-53 (SEAMEC Ke-53).

Yang paling penting, saya berbesar hati mengalu-alukan kedatangan Menteri-menteri Pendidikan, pemimpin pendidikan dan perwakilan SEAMEO yang dihormati. Kehadiran awda adalah bukti kuat kepada keazaman kolektif kita dan komitmen bersama untuk membentuk masa hadapan yang lebih berdaya tahan dan bersatu, serta lebih cerah untuk Asia Tenggara.

Saya memuji legasi berterusan SEAMEO dan peranan pentingnya dalam memupuk kerjasama serantau dalam pendidikan, sains dan budaya. Sempena ulang tahunnya yang Ke-60 ini, saya mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan, atas enam dekad kepimpinan transformatif.

SEAMEO secara konsisten terbukti sebagai peneraju teladan kerjasama, inovasi dan inklusif. Ia berada di barisan hadapan dalam menggalakkan kerjasama serantau, meningkatkan peluang pendidikan, membina kapasiti manusia, dan menggalakkan

persefahaman bersama dalam kalangan negara Asia Tenggara, terutamanya melalui 26 pusat kecemerlangan dan rangkaian serantaunya.

Komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap pendidikan berkualiti dan pembangunan sumber manusia, merangkumi usaha dalam dialog dasar, pembinaan kapasiti, dan amalan pendidikan yang inovatif, telah meningkatkan kehidupan yang tidak terkira banyaknya dan mengukuhkan asas kemajuan dalam komuniti kita. Dengan sejarah yang kaya dan kepakaran yang mendalam, saya berharap SEAMEO dapat terus memanfaatkan kedudukan unik untuk memacu penyelesaian yang berkesan, terutamanya dalam memacu agenda 'Pendidikan Hijau' dan menyumbang secara signifikan kepada tiga tonggak Komuniti ASEAN.

Saya berpandangan bahawa tema untuk mesyuarat tahun ini - 'Greening Education for a Sustainable Southeast Asia: Empowering Change through Collective Action' adalah sangat relevan, dan tepat pada masanya.

Kita sudah pun mengalami cabaran mendesak termasuk perubahan iklim yang menjejaskan mata pencarian dan pembangunan mampan di dalam, dan jauh di luar rantau kita. Cabaran ini menggariskan peranan kritikal pendidikan dalam pembangunan mampan, sejajar dengan komitmen SEAMEO untuk memajukan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN SDG).

Saya sangat percaya bahawa pendidikan adalah kunci kepada perubahan positif dan transformatif. Adalah menjadi

tanggungjawab kita untuk melengkapkan dan memperkasakan generasi kita akan datang dengan pengetahuan dan kemahiran penting untuk mengemudi dan mengatasi cabaran ini. Ini memerlukan integrasi yang menyeluruh terhadap prinsip dan amalan kemampunan merentas semua aspek pendidikan, termasuk kurikulum, kaedah pengajaran, operasi sekolah, penglibatan komuniti dan budaya institusi untuk menangani cabaran alam sekitar, sosial dan ekonomi yang saling berkaitan. Pendekatan holistik ini penting jika kita benar-benar menangani kerumitan yang saling berkaitan.

Sebagai sebuah organisasi terkemuka, SEAMEO berada di barisan hadapan dalam penyelesaian mampan yang memberi kesan. Peranannya amat penting untuk memastikan rantau kita terus berkembang, kekal berdaya saing dan berdaya tahan dalam menghadapi dinamik global. Oleh itu, saya menggesa semua pendidik, penggubal dasar dan memanfaatkan pusat serantau, untuk mengukuhkan penyelidikan kolaboratif, berkongsi pengalaman dan penemuan berasaskan bukti ke arah inovasi, dan memastikan dasar pendidikan disokong oleh penyelidikan yang rapi untuk pembangunan mampan.

Hari ini menandakan satu peristiwa penting, kerana kita secara kolektif mengesahkan dan mengukuhkan komitmen kita terhadap pendidikan mampan. Sambil membuka jalan ke hadapan, SEAMEO menjadi pemimpin untuk menggalakkan dan memberi inspirasi kepada orang lain untuk mengambil bahagian dalam usaha kolaboratif untuk manfaat semua segmen



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda pada Majlis Perasmian Persidangan Pertubuhan Majlis Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara kali Ke-53 bertempat di The Empire Brunei, pada Selasa, 1 Julai 2025.

masyarakat.

Negara Brunei Darussalam (NBD), sebagai contoh, komited kepada Pelan Pendidikan Hijau, yang menyediakan pelan hala tuju untuk menyepadukan kemampunan ke dalam pendidikan. Pelan ini akan secara aktif mempromosikan amalan mampan di institusi pendidikan kita, di samping memupuk tanggungjawab terhadap alam sekitar.

>> Muka 8

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	SABTU	9	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
6	AHAD	10	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37	7.52
7	ISNIN	11	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37	7.52
8	SELASA	12	4.39	4.49	6.14	6.38	12.26	3.52	6.37	7.52
9	RABU	13	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
10	KHAMIS	14	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
11	JUMAAT	15	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
33 26 °C	34 25 °C	31 25 °C	
Pekan Bangar			
33 26 °C	34 25 °C	31 25 °C	
Pekan Tutong			
33 26 °C	34 25 °C	31 25 °C	
Kuala Belait			
33 26 °C	34 25 °C	31 25 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

5 JULAI 2025

Bina kehidupan berjiran mengikut syiar Islam

AGAMA Islam sangat mementingkan silaturahim dan menyeru umatnya untuk sentiasa hidup bersatu padu dan tolong-menolong. Islam juga melarang permusuhan dan perpecahan sama ada dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat, bernegara dan termasuklah juga dalam hidup berjiran.

Sepertimana yang ditekankan menerusi Khutbah Jumaat minggu ini, kita hidup di dunia ini saling memerlukan antara satu sama lain kerana itulah agama kita menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga dan memelihara hubungan persaudaraan yang baik sesama manusia tanpa mengira agama, pangkat mahupun bangsa terutamanya dengan jiran tetangga.

Dalam konteks menjaga hubungan silaturahim sesama jiran, janganlah sekali-kali kita menyakiti hati mereka, sama ada dengan perkataan, perbuatan mahupun tingkah laku yang boleh menyinggung perasaan sesama jiran tetangga.

Ini termasuklah dalam perkara menjaga kebersihan di kawasan tempat kita tinggal atau kawasan jiran yang tinggal berdekatan dengan kediaman kita, antaranya seperti tidak membiarkan rumput atau pokok-pokok di halaman rumah terbiar sehingga mengganggu kawasan atau halaman rumah jiran, membiarkan sampah sarap berlonggok dan bersepah sehingga mengeluarkan bau yang busuk dan tidak menyenangkan.

Selain itu, iaitu bagi menjaga ketenteraman dan keharmonian hidup berjiran, kita juga hendaklah peka dan sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur seperti tidak membiarkan binatang ternakan dan peliharaan berkeliaran, apatah lagi sehingga memasuki kawasan dan halaman rumah jiran serta membuat kotor atau merosakkan bunga, tanaman atau harta benda jiran dan elakkanlah berbuat bising atau hiburan yang keterlaluan sehingga larut malam yang boleh menyebabkan jiran berasa terganggu dan sukar untuk beristirahat.

Dalam menjaga hubungan silaturahim yang baik dengan jiran tetangga, kita hendaklah sentiasa menjaga dan mengamalkan akhlak yang mulia sebagaimana yang telah dianjurkan dalam agama kita.

Antara akhlak yang mulia itu ialah sikap bersopan santun dan berbudi bahasa seperti bertegur sapa, bertanya khabar, menjaga perasaan, saling hormat-menghormati, saling tolong-menolong dan menghulurkan bantuan jika diperlukan ataupun ketika jiran menghadapi kesusahan dan seumpamanya.

Selaku seorang Muslim, sebagaimana kita dituntut untuk menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukan pertolongan, begitulah juga dalam kehidupan berjiran. Jika kita mengetahui kesusahan yang dihadapi oleh jiran, kita hendaklah menghulurkan bantuan. Akhirnya, marilah kita sama-sama berusaha membina kehidupan berjiran mengikut ajaran dan syiar Islam. Mudah-mudahan dengan yang demikian, akan dapat melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Amin Ya Rabbal Alamin. – **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MENGURNIAKAN ANUGERAH CIPTA DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA 2025



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan juga selaku Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat ke Majlis Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Anugerah Khas CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota (The Crown Prince Special CIPTA Award) 2025 kepada Dr. Law Kah Haw dan Awang Mohammad Asri bin Puasa.

>> Muka 1

Terdahulu, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman serta Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Brunei LNG Sdn. Bhd., Adeleye Falade.

Sejurus keberangkatan tiba memasuki dewan, Lagu

Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan dan seterusnya bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif dalam sembah alu-aluannya menyembahkan, sejak 20 tahun Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota diadakan, CIPTA telah mencapai beberapa objektif seperti memberi inspirasi kepada belia

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar



dan orang ramai untuk membangunkan produk, proses atau teknologi kreatif yang sejajar dengan aspirasi negara dan ASEAN; merangsang aktiviti penyelidikan dan pembangunan di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan memupuk hubungan kerjasama dalam NBD dan rantau ASEAN.

Menurutnya, matlamat keseluruhan telah berjaya direalisasikan, walau bagaimanapun penghasilan produk daripada Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota belum mencapai tahap yang boleh dikomersialkan.

"Sehubungan itu, adalah tiba masanya untuk menyusun semula strategi Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota agar mempunyai nilai yang lebih tinggi. Selain itu, objektif dan matlamat CIPTA juga perlu dirangka semula bagi mencapai penghasilan lebih banyak produk yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara," jelasnya.

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif selanjutnya menjelaskan, tema bagi Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 ialah 'Inovasi Hijau' atau 'Green

Innovations' yang menekankan keperluan untuk memanfaatkan kreativiti individu dari pelbagai bidang dan kemajuan teknologi dalam menangani cabaran alam sekitar seperti perubahan iklim dan kehilangan biodiversiti.

Tema itu, tegasnya, menggalakkan pembangunan mampan yang menyokong pertumbuhan ekonomi serta kelestarian alam sekitar. Seiring dengan usaha negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, inovasi berteraskan pembangunan mampan bukan

>> Muka 4



DULI Yang Teramat Mulia berkenan melawat ke pameran produk pemenang (kanan). Manakala gambar bawah dan bawah kanan, suasana Majlis Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Sementara gambar bawah kanan sekali, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.





DYTM berkenan mendengar sembah penerangan di salah sebuah pameran produk di Majlis Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 (atas). Manakala gambar kanan, DYTM dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 3

sahaja dilihat sebagai satu peluang, malah merupakan tanggungjawab yang dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat.

Tambahnya lagi, sebagai sebahagian daripada masyarakat antarabangsa, UTB memandang inovasi sebagai elemen penting dalam usaha menangani pelbagai isu global. Pertandingan CIPTA berfungsi sebagai platform untuk menentengahkan idea - idea

bernas yang mampu memberikan impak signifikan, bukan sahaja kepada NBD, malah di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Sejak tahun 2015, pertandingan ini telah dibuka kepada penyertaan dari Rantau ASEAN, sekali gus menggalakkan kerjasama serantau dan pertukaran idea rentas sempadan. Anugerah CIPTA 2025 merupakan edisi keenam bagi penyertaan serantau, selaras dengan aspirasi UTB untuk menjadi sebahagian

daripada gerakan inovasi global," katanya lagi.

Terdahulu, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Majlis Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025.

Keberangkatan DYTM itu bukan sahaja menyerikan majlis, malah menunjukkan keprihatinan DYTM terhadap perkembangan reka cipta dan inovasi dalam

bidang sains, teknologi dan kejuruteraan pada masa ini.

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah juga berharap agar lebih banyak lagi penyertaan daripada pihak swasta dan orang ramai di masa hadapan dan selain itu juga memaklumkan bahawa tahun ini Anugerah Khas bagi Sustainable Energy diperkenalkan buat kali pertama untuk Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025.

Pengenalan Anugerah Khas ini adalah satu langkah ke arah mengiktiraf dan mempromosikan inovasi dalam penghasilan tenaga, ataupun *sustainable energy*. Ia memberi tumpuan kepada kelestarian dan potensi peningkatan kemajuan teknologi dalam penghasilan tenaga di NBD serta rantau ASEAN dan pada tahun ini, pingat emas, perak dan gangsa juga mula diperkenalkan.

Adapun Majlis Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota adalah merupakan majlis ke-11 yang dianjurkan oleh UTB dan Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad sebagai rakan kongsi dan penaja utama sejak tahun 2011.

Majlis Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 akan diteruskan dengan Seminar CIPTA selama dua hari bermula

3 Julai 2025, di mana para hakim, pemenang CIPTA, industri dan sektor yang berkepentingan akan membincangkan mengenai hala tuju, inovasi dan reka cipta.

Pihak penganjur merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Brunei LNG Sdn. Bhd. atas sokongan dan kerjasama yang berterusan selama ini. Komitmen mereka telah memainkan peranan penting dalam menjadikan Anugerah CIPTA sebagai sebuah platform cemerlang yang terus memberi inspirasi kepada minda-minda cemerlang di negara ini serta penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa yang telah bekerja keras dalam mengukayakan pertandingan ini.

Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada perwakilan ASEAN di NBD atas usaha mereka mempermudah penyertaan dari negara masing-masing serta kepada para juri yang telah meluangkan masa untuk menilai semua projek yang telah disenarai pendek.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM juga berkenan untuk berinteraksi bersama para pemenang pertandingan dan sekali gus berkenan menyaksikan ciptaan masing-masing.



NAIB Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif menyampaikan sembah alu-aluannya (atas). Manakala gambar kanan, DYTM berkenan berangkat bagi Majlis Santap. Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.



PROJEK TEMPATAN MENANGI ANUGERAH KHAS CIPTA DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA 2025



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan juga selaku Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan mengurniakan hadiah kepada para pemenang (atas dan kanan).

BERAKAS, Rabu, 2 Julai. - Pertandingan Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 menyaksikan satu lagi pencapaian membanggakan apabila sebuah projek tempatan dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025.

Dr. Law Kah Haw dan Awang Mohammad Asri bin Puasa dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) dengan projek bertajuk 'Novel Filter-Less Single-Source Extendable Switched-Capacitor Boost Multilevel Inverter Suitable for Renewable and Industrial Applications' membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND8,000 bersama piala rebutan dan sijil penghargaan.

Penerangan ringkasan penilaian keseluruhan daripada juri-juri CIPTA 2025 disampaikan oleh Ketua Jawatankuasa Teknikal CIPTA 2025, Pengiran Dr. Rafidah binti Pengiran Haji Petra dan kemudiannya pengumuman projek-projek yang menang.

Pada pertandingan kali ini, CIPTA 2025 telah menerima sebanyak 97 penyertaan di mana sebanyak 73 penyertaan telah maju untuk pusingan penghakiman akhir. Kebanyakannya adalah terdiri daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan Sekolah-sekolah.

Bagi Local Category One yang menumpukan kepada ciptaan produk, proses atau teknologi baharu, tiada pemenang tempat pertama dan kedua diumumkan.

Sementara, tempat ketiga dimenangi oleh projek bertajuk 'Halal Green Military Ration Innovation for Brunei' hasil ciptaan Dayang Fatin Nuratikah binti Haji Asbi dan Dayang Zu Mirratin Munira binti Haji Mohammad Affno dari UTB.

Mereka menerima wang tunai sebanyak BND3,000 bersama pingat gangsa, trofi dan sijil.

Manakala Local Category Two yang memfokuskan kepada pengubahsuaian produk, proses dan teknologi sedia ada menyaksikan kejayaan cemerlang, apabila projek Dr. Law Kah Haw dan Awang Mohammad Asri bukan sahaja menjuarai kategori tersebut malah menerima dua anugerah khas sekali gus, iaitu Anugerah Khas CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 dan Special Award for Sustainable Energy for Local

Category 2.

Mereka menerima hadiah wang tunai berjumlah BND7,000 termasuk pingat emas, sijil dan trofi, juga BND1,500 bagi Anugerah Special Award.

Tempat kedua pula dimenangi projek 'Skyv-AI (Next Generation Anomalies Detection; Corrosion Detection)' dari Skyvision BN yang membangunkan sistem pengesanan kakisan menggunakan Kecerdasan Buatan (AI). Mereka menerima wang tunai BND5,000, pingat emas, trofi dan sijil.

Manakala, tempat ketiga, iaitu projek penyelidikan pertanian 'Development of Organic Foliar Spray Formulation for Enhanced Crop Growth and Yield' oleh Dayang Dr. Hartini binti Haji Mohd. Yasin, D. Tan Ai Ling dan Dayang Nurul Syazana binti Haji Affandi, dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) turut menerima pengiktirafan dengan hadiah wang tunai sebanyak BND3,000, trofi dan sijil.

Dalam Local Category Three yang menampilkan pencipta muda, iaitu pasukan dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan yang terdiri daripada Lee Jing Jing, Fong Chee Shane dan Awang Muhammad Faiq bin Fakhru Anwar dengan projek bertajuk 'Earth Battery: Sustainable Harvest' muncul sebagai juara.

Mereka membawa pulang wang tunai keseluruhan berjumlah BND3,500 berserta pingat emas dan Anugerah Special Award for Sustainable Energy for Local Category 3, dengan hadiah wang tambahan sebanyak BND1,000.

Manakala, tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanul Bolkiah melalui projek pemantauan tumbuhan 'Smart Multi-Sensor for Efficient Plant Monitoring'.

Awang Abdul Wadud bin Haji Muhammad Hairul Nizam, Awang Abdul Waliyy bin Abdul Aziz dan Awang Muhamad Nur Asyraf bin Haji Md. Daud, membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND2,000, pingat perak dan sijil.

Sementara tempat ketiga dimenangi oleh para pelajar dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, iaitu Awang Muhammad Syaahir Azib bin Haji Rumaizi; and Dayangku Khalisha Syarafana binti Pengiran Haji Md.

Saiful Redzuan melalui projek 'Al-Soefe (The Source of Electricity From Electrolysis)' yang berasaskan penjanaan elektrik melalui elektrolisis. Mereka menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,000, pingat perak, trofi dan sijil.

Bagi Pertandingan Smart Junior pula menyaksikan kejayaan pasukan dari Chung Hua Middle School, Kuala Belait melalui projek 'Wind - An Alternative Power Source For Moving Vehicles', ciptaan Jiya Maria Jai, Chawalot Ho Xuan Yi dan Callum Singh Sekhon.

Mereka menerima wang tunai BND1,500, pingat emas, trofi dan sijil, serta Anugerah Special Award for Sustainable Energy untuk kategori tersebut, dengan hadiah wang tunai sebanyak BND1,500.

Sementara tempat kedua dimenangi oleh Awang Hanif Qusyairi bin Awang Sarisumardy, Awang Muhammad Nuraqiel bin Mohammad Ismadi dan Awang Zul'rifan Naufal bin Indra Masrika Lubis dari Sekolah Menengah Lambak Kiri dengan projek bertajuk 'A Vertical Hydroponic System with A United and Cooperative Ecosystem'. Mereka membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND1,000, pingat perak, trofi dan sijil.

Tempat ketiga pula dimenangi oleh Awang Muhammad Fadhlul Iqbal bin Samsudin, Awang Suwardi bin Salman dan Awang Muhammad Irfan Aqil bin Shahfaizal dari Ma'had Islam Brunei dengan projek 'BinGenius', dengan menerima wang tunai sebanyak BND500, pingat gangsa, trofi dan sijil.

Dalam Kategori ASEAN New Invention and Innovation pula, tempat pertama diraih oleh kumpulan penyelidik dari Nanyang Technological University, Republik Singapura terdiri daripada Li Ziyang, Lao Junying dan Qian Shunzhi, dengan projek mereka 'Development of Sustainable Marine Clay One-Part Geopolymer with Thermodynamic Modeling Optimization'. Mereka membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND7,000, pingat emas, trofi dan sijil.

Manakala, tempat kedua pula diberikan kepada pasukan dari De La Salle University, Republik Filipina yang terdiri daripada Dr. Michael Promentilla, Jean Armel

De Lima and Mikaela Beatrice Sy dengan projek 'Eco-brick from Geopolymer-based Materials' (ECO-BRICK).

Mereka menerima wang tunai sebanyak BND5,000 berserta pingat emas, trofi dan sijil; juga Anugerah Special Award for Sustainable Energy untuk kategori tersebut dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500.

Sementara tempat ketiga dimenangi oleh Asia Pacific University dari Malaysia dengan projek 'GreenPulse : Intelligent Algae Monitoring and Control for CO₂ Sequestration' oleh Thanigai Kumaran Muthukumar, Kiew Zheng Wei dan Kevin A/L M Das. Mereka menerima wang tunai sebanyak BND3,000, pingat perak, trofi dan sijil.

Bagi Kategori ASEAN Young Inventor, tidak ada pemenang pertama sementara tempat kedua disandang oleh SMK Tengku Lela Segara, Malaysia melalui projek 'Chicken Fat Ointment' (CFO).

Putera Afif Mikhael bin Ahmad Sazani, Nur Azzalea Fareesya binti Mohd. Arif Azany and Muhammad Syahir Ammar bin Shauki menerima hadiah wang tunai BND2,000, pingat perak, trofi dan sijil.

Manakala tempat ketiga diberikan kepada para pelajar dari Vareechiangmai School, Thailand, iaitu Lee Zhen Yu, Punn Punnatburi dan Areyachart Mechai dengan projek 'Formulating Paracetamol-Infused Jelly Using Fish Scale Gelatin for Pediatric Use'. Mereka menerima wang tunai sebanyak BND1,000, pingat perak, trofi dan sijil.

CIPTA 2025 menampilkan tiga kategori utama pertandingan, iaitu Kategori Tempatan, Pertandingan Smart Junior dan Kategori ASEAN.

Bagi Kategori Tempatan terdiri daripada tiga cabang berbeza yang merangkumi Local Category One yang memfokuskan kepada mencipta produk, proses dan teknologi baharu; manakala Local Category Two, mengubah suai produk, proses dan teknologi sedia ada; sementara Local Category Three mencipta atau mengubah suai produk, proses dan teknologi baharu atau sedia ada oleh pencipta muda.

Manakala, Smart Junior pula

khusus dikhaskan bagi para pelajar sekolah menengah rendah tempatan, sementara Kategori ASEAN dibahagikan kepada dua kategori, iaitu New Invention and Innovation Category; dan ASEAN Young Inventor Category.

Pemilihan para pemenang dilakukan melalui penilaian yang amat ketat oleh panel hakim tempatan dan antarabangsa.

Majlis tersebut turut mencatatkan sejarah apabila buat kali kedua piala Anugerah Khas CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota dianugerahkan kepada projek inovasi yang cemerlang, selepas kali pertama dianugerahkan pada 2015.

Dalam pada itu, panel hakim berpuas hati dengan proses pertandingan serta kualiti penyertaan yang diterima.

Sebahagian besar produk yang diketengahkan berkait rapat dengan tema Anugerah CIPTA 2025, iaitu 'Inovasi Hijau' atau 'Green Innovations', yang menekankan idea berasaskan kelestarian alam sekitar dan prinsip taksonomi hijau, ke arah penyelesaian praktikal bagi masa hadapan yang lebih hijau dan mampan.

Kriteria tahap kematangan teknologi, atau *technology readiness level* juga telah diserapkan di dalam rubrik penilaian bagi menilai kesiediaan teknologi secara objektif bagi memastikan inovasi yang dikemukakan bersifat praktikal dan sedia untuk pembangunan lanjut.

Secara keseluruhan, proses dan kriteria penghakiman secara fizikal dan dalam talian adalah memuaskan dan selaras dengan perkembangan penyelidikan serta budaya inovasi di rantau ASEAN.



KETUA Jawatankuasa Teknikal CIPTA 2025, Pengiran Dr. Rafidah binti Pengiran Haji Petra ketika menyampaikan ucapannya.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar



DPMM FC BERPESTA GOL



BERAKAS, Jumaat, 4 Julai. - Liga Belia Brunei musim 2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18) membuka tirainya hari ini dengan menyaksikan pertemuan antara Dash FA menentang DPMM FC, pada aksi pembukaan yang berlangsung di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), di sini.

Dalam perlawanan penuh aksi tersebut, DPMM FC berpesta gol setelah mempersembahkan permainan yang dominan dengan meraih kemenangan 16 - 1.

Berangkat menyaksikan

perlawanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Juga berangkat menyaksikan perlawanan tersebut, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan Liga Belia Brunei musim 2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18). Turut berangkat anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kiri).

Aiman.

Turut menyertai pasukan DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, selaku Ketua Pasukan, yang juga menghadihkan empat gol bagi pasukannya.

Lapan gol pada separuh masa pertama masing-masing dijaringkan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yunus Poljarevic Emin Poljarevic, Muhammad Hafiy Hakim Azizan, Muhammad Adi

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim turut menyertai pasukan DPMM FC selaku Ketua Pasukan (atas). Manakala gambar bawah dan bawah kiri, sekitar perlawanan tersebut.

Idham Sazali dan Muhammad Akmal Rizal Muhammad Abu Bakar.

Manakala lapan gol lagi berjaya dijaringkan pada separuh masa kedua melalui Muhammad Hafiy Hakim Azizan, Muhammad Adi

Idham Sazali, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yunus Poljarevic Emin Poljarevic, Mohd. Darwishafis Mohd. Hamzillah, dan Md. Harith Aqil Azaman.

Walaupun diasak dengan serangan bertubi-tubi, Dash FA tetap menunjukkan semangat juang dan berjaya memperoleh satu jaringan melalui Muhammad Izzulliwaudin Zararwasi Mohammad Sofian.

Sementara itu, Liga Belia Brunei U18 akan diteruskan Ahad ini, 6 Julai 2025 dengan menyaksikan empat perlawanan bakal berlangsung, iaitu pertemuan antara Muaz FT menentang Panchor Murai FC; FC Phosphor bertemu dengan Projek Ikan Pusu; Rimba Star FC menentang Wijaya FC dan BSRC akan bertemu dengan Dagang FT.



Pemedulian : Platform dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan PA

Siaran Akhbar :
Jabatan Perkhidmatan Pengurusan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Julai. - Seiring dengan kemajuan teknologi dan usaha berterusan kerajaan dalam meningkatkan penyampaian Perkhidmatan Awam (PA) yang responsif dan mesra pelanggan, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD), Jabatan Perdana Menteri, dengan kerjasama Pusat Kebangsaan e-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah memperkenalkan satu inisiatif baharu dikenali sebagai 'Pemedulian PA', ringkasnya 'Pemedulian'.

Pemedulian merupakan sistem maklum balas orang ramai secara dalam talian (*online*) bagi menggantikan Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan (KSTP) Dalam PA. Pendekatan Pemedulian adalah berasaskan data dan pengalaman pelanggan dengan menggunakan soalan kaji selidik yang standard dan sesuai untuk digunakan oleh semua agensi kerajaan.

Bermula pada Sabtu, 5 Julai 2025, orang ramai dialu-alukan untuk menilai tahap kepuasan hati terhadap perkhidmatan yang

diberikan oleh agensi kerajaan dengan mengimbas kod QR yang dipamerkan di agensi kerajaan yang terlibat ataupun melalui pautan selepas berurusan dalam talian.

Kod QR agensi-agensi kerajaan yang terlibat juga boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang MSD, iaitu www.msd.gov.bn.

Pelaksanaan Pemedulian akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut tiga fasa utama. Fasa pertama melibatkan MSD dan agensi kerajaan yang dikenal pasti banyak berurusan dengan orang ramai, iaitu sebanyak 26 agensi.

Manakala, fasa kedua pula dilaratkan kepada agensi-agensi yang telah dinilai melalui Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) melalui Penarafan Bintang; sementara fasa ketiga merupakan pelaksanaan menyeluruh kepada semua agensi kerajaan.

Lima kriteria utama penilaian Pemedulian untuk menilai penyampaian perkhidmatan melalui pelbagai platform (fizikal dan *online*), iaitu mudah untuk mendapatkan maklumat : Maklumat yang relevan, telus dan mudah diakses; menepati tempoh

dijanjikan : kepuasan hati orang ramai terhadap ketepatan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR); etika dan layanan : Agensi menunjukkan etika kerja yang profesional serta layanan yang mesra kepada pelanggan; kualiti produk dan perkhidmatan : penyampaian perkhidmatan yang mudah, boleh dipercayai, cekap dan responsif; dan pengalaman terkini : penilaian perbandingan pengalaman semasa dengan pengalaman terdahulu terhadap perkhidmatan yang sama.

Platform tersebut akan menggalakkan agensi kerajaan bertindak lebih proaktif dan responsif terhadap maklum balas orang ramai. Selain itu, ia juga membolehkan pemantauan dan penilaian (M&E - Monitoring and Evaluation) secara berterusan serta penjaan laporan pencapaian kepuasan pelanggan secara dalam talian, *automated* dan pantas.

Keberkesanan inisiatif tersebut akan diukur melalui Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicator (KPI), iaitu peratus kepuasan hati pelanggan bagi setiap agensi yang terlibat.

Penetapan KPI tersebut dijadikan sebagai salah satu penanda aras prestasi agensi dan dihasratkan dapat meningkatkan akauntabiliti dan komitmen terhadap kecemerlangan dalam

penyampaian PA.

Untuk keterangan lebih lanjut, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang MSD di www.msd.gov.bn atau Instagram @msdbrunei.




JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

 bruneiweather
  @brunei.weather
  Weather Line 114
  www.met.gov.bn

132 PELAJAR CEMERLANG DIRAIKAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan kemudian menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada salah seorang penerima (kanan dan atas).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Rabu, 2 Julai. - Seramai 132 pelajar cemerlang dari sekolah-sekolah Arab dan agama seluruh negara diraikan dalam satu majlis penuh penghargaan, sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang pelajar-pelajar dalam bidang akademik.

Majlis anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang berlangsung di Dewan

Persidangan BRIDEX pagi tadi itu merupakan salah satu langkah ke arah menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Majlis Penghargaan tersebut adalah untuk meraikan pelajar-pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dan membanggakan dalam

peperiksaan awam yang telah diduduki pada tahun 2024.

Majlis juga diadakan sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagai insentif kepada pelajar-pelajar yang diraikan atas kecemerlangan yang dicapai, di samping sebagai motivasi kepada pelajar-pelajar lain supaya akan terus mempertingkatkan usaha dan pencapaian akademik mereka dari semasa ke semasa.

Selain itu juga, ia bertujuan membarigakan kepada masyarakat mengenai kecemerlangan akademik yang dicapai oleh pelajar-pelajar persekolahan agama dan Arab dalam bidang-bidang agama, bahasa Arab dan umum.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar



dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh pelajar-pelajar dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Awang Ahmad Harith Irfan bin Haji Umdani dan Shaikh Mumtaz Al-'Abqariyy bin Shaikh Muhammad Khairul Anuar.

Kemudian majlis diteruskan dengan ucapan daripada Pemangku Pengarah Pengajian

Islam, KHEU, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil selaku Pengerusi Majlis.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan 'Kalam Jamaie' daripada pelajar-pelajar Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit, diikuti dengan penyampaian sijil dan hadiah kepada pelajar-pelajar cemerlang, guru-guru cemerlang dan Madrasah Mutaqaddimah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan.

Kepimpinan berwawasan melalui strategi hijrah terancang

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Julai. - Bagi menyemarakkan tahun baharu Islam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 dengan tema 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan Yang Mampan'.

Majlis diadakan di Dewan Bankuet, Bangunan JPM, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, para jemputan khas, ketua-ketua jabatan serta pegawai

dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Acara kemudian diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh mahasiswa Tahun 3, Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Seri Begawan (Pendidikan Islam), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Muhammad Nur Razin bin Rosli. Manakala inti sari dibacakan oleh mahasiswa Tahun 3, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Keusahawanan Digital), KUPU SB, Awang Abdussyakur bin Haji Jahari.

Majlis turut disemarakkan dengan Ceramah Khas bertajuk



'Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Model Kepimpinan Berintegriti dan Berwawasan', yang disampaikan oleh Penolong Profesor Fakulti Syariah, KUPU SB, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Dr. Haji Noralizam dalam ceramahnya menjelaskan berkenaan dengan peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bukan sekadar perpindahan fizikal dari Mekah ke Madinah, tetapi merupakan lambang kepimpinan yang menggabungkan integriti yang tinggi dengan visi yang jauh ke hadapan.

Menurutnya, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menunjukkan nilai-nilai kepimpinan berintegriti sejak sebelum kenabian yang dikenali sebagai Al-Amin, mengembalikan amanah, menolak

hadiah demi menjaga prinsip, dan sentiasa berlaku adil walaupun terhadap anak yatim.

Dalam masa yang sama ujanja lagi, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga membuktikan kepimpinan berwawasan melalui strategi hijrah yang terancang, pemilihan lokasi Madinah yang strategik, serta membina masyarakat baharu dengan sistem sosial, politik dan ekonomi berteraskan Islam.

"Hijrah juga menjadi titik tolak kepada pembinaan tamadun Islam yang kukuh, dengan asas keadilan, persaudaraan dan kerjasama

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan.

ekonomi.

"Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah teladan unggul untuk para pemimpin bahawa kepimpinan sejati menuntut amanah, keberanian moral, kebijaksanaan strategi, dan berpaksikan wahyu Allah Subhanahu Wata'ala," ujanja lagi.

Seterusnya, majlis diserikan dengan Selawat Tafrijiyyah yang dipimpin oleh pegawai dan kakitangan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah (BKISHHB).

Majlis pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Jabatan Tenaga di JPM, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dan Jabatan Audit.

Ia merupakan salah satu aktiviti tahunan JPM untuk memuliakan acara-acara kebesaran Islam, di samping mengeratkan silaturahmi di antara pegawai-pegawai dan kakitangan.



SEKITAR Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 yang diadakan di di Dewan Bankuet, Bangunan JPM (kiri dan kanan).



MENJANA CADANGAN PENYELIDIKAN DASAR, RANGKA HALA TUJU BAGI PENYELIDIKAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan selaku Presiden Majlis SEAMEO semasa berucap pada Majlis Perasmian Sidang Kemuncak CPRN Pusat SEAMEO.

penyelidikan-penyelidikan yang menyentuh inti pati amalan serantau, berlandaskan realiti dan ditujukan kepada perubahan yang boleh dilaksanakan.

"Saya gembira bahawa perbincangan dalam Sidang Kemuncak tahun 2024 telah meletakkan asas yang kukuh, dengan menekankan bahawa keterangkuman bukan sekadar suatu keperluan moral tetapi satu keperluan strategik untuk membina Asia Tenggara yang benar-benar bersedia menghadapi masa depan.

"Semangat untuk menghayati keterangkuman inilah yang kita bawa ke Sidang Kemuncak tahun ini, ketika kita berusaha membina jambatan yang lebih kukuh ke arah masa depan yang lestari," terang Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat berkata, Sidang Kemuncak tahun ini akan menampilkan Sesi Perbincangan Penyelidikan Dasar Bersama, untuk memudahkan cara dan menjana cadangan tajuk penyelidikan dasar, dengan matlamat untuk merangka hala tuju yang jelas bagi penyelidikan yang dijalankan oleh Pusat-pusat SEAMEO.

Fokus sesi ini adalah untuk berkongsi idea, mengenal pasti halangan, mengemukakan cadangan dan menentukan langkah-langkah seterusnya.

Sesi ini, jelas Yang Berhormat,

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

merupakan langkah penting bagi SEAMEO kerana dengan menyelaraskan usaha merentasi tiga tonggak utama, pendidikan, sains dan budaya dan menggabungkan kepakaran kolektif, kita akan mempunyai peluang yang lebih besar untuk menangani isu-isu mendesak masa kini serta bersedia menghadapi cabaran-cabaran yang bakal muncul.

"Ketika kita memulakan perbincangan dan kerjasama dalam Sidang Kemuncak SEAMEO CPRN 2025 ini, marilah kita ingat akan tanggungjawab besar dan peluang yang terbentang di hadapan kita. Kita bukan sekadar penyelidik, kita adalah pembina jambatan, pemangkin inovasi dan

ejen perubahan.

"Dengan memupuk kerjasama yang inklusif dan menghayati inovasi dalam pendidikan, sains dan budaya, kita mampu bersama-sama membina masa depan yang lestari untuk Asia Tenggara.

"Saya yakin bahawa Sidang Kemuncak ini akan menghasilkan perbincangan yang bermanfaat, memupuk kerjasama baharu dan mengilhamkan penyelidikan yang inovatif yang akan menyumbang secara signifikan kepada pencapaian Pelan Strategik SEAMEO 2021 - 2030 dan akhirnya, kepada peningkatan kualiti hidup untuk semua di rantau kita yang tercinta," ujar Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

>> Muka 1

Sidang Kemuncak ini, jelas Yang Berhormat, menjadi platform untuk mengetengahkan

Menangani cabaran bidang pendidikan, sains, budaya

JERUDONG, Khamis, 3 Julai. - Pusat Serantau SEAMEO VOTTECH menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak Rangkaian Penyelidikan Dasar (CPRN) Pusat SEAMEO buat kali kedua, sekali gus mengukuhkan lagi peranannya sebagai platform utama dialog dasar serantau.

Bertemakan 'Building Bridges to a Sustainable Future : Inclusive Collaboration and Innovation in Education, Science, and Culture', Sidang Kemuncak CPRN 2025 kali ini menghimpunkan lebih 180 delegasi terkemuka termasuk pembuat dasar, penyelidik dan pemimpin pendidikan dari Negara Anggota SEAMEO serta negara rakan seperti United Kingdom, Finland, Perancis, Australia, Hong Kong dan China.

Majlis Perasmianya disempurnakan pagi tadi oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Presiden Majlis SEAMEO, berlangsung di The Empire Brunei, di sini.

Turut hadir pada majlis tersebut

ialah Pengarah Sekretariat SEAMEO, Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim; Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Negara Anggota dan Bersekutu SEAMEO ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib Canselor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dari Kementerian Pendidikan NBD, pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pengarah dari Pusat-pusat SEAMEO dan wakil-wakil daripada pelbagai kementerian, institusi dan organisasi rakan kongsi.

Terdahulu, dalam ucapan Pengarah Pusat SEAMEO VOTTECH, Awang Haji Norjemee bin Jenek menyatakan, tema Sidang Kemuncak tahun ini menekankan kepentingan membina rangkaian, memperkukuh sokongan dan inisiatif bersama untuk memupuk perkongsian ilmu dan cadangan dasar dalam kalangan Pusat-pusat SEAMEO, institusi pendidikan, kementerian berkaitan serta rakan-rakan strategik.

Menurutnya, sebanyak 32 kertas kerja akan dibentangkan dalam Sidang Kemuncak ini, yang merangkumi sumbangan daripada 13 Pusat SEAMEO, 12 institusi pengajian tinggi dan tiga agensi pembangunan.

Beliau seterusnya melahirkan keyakinan bahawa maklumat, data dan wacana yang dikongsi semasa Sidang Kemuncak tersebut akan membuka jalan untuk memperkukuh dan menambah baik dasar serta strategi bersama demi membina masa depan yang lestari bagi rantau ini.

Sidang Kemuncak ini menampilkan barisan pemikir global terkemuka yang menyampaikan ucapata perintis dalam pelbagai bidang penting.

Pengarah Pendidikan dan Kemahiran, Organisasi bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Andreas Schleicher dalam pembentangan ucapatannya antara lain menilai pendekatan konvensional untuk pembaharuan pendidikan.

Analisis beliau yang mendalam mengenai sistem pendidikan di Negara-negara Anggota SEAMEO disokong oleh penemuan daripada Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) 2022.

Beliau mendedahkan bahawa produktiviti pembelajaran yang rendah berbanding masa pembelajaran adalah salah satu halangan utama kepada kemajuan dan menyeru reformasi dasar yang strategik serta metodologi pengajaran yang inovatif bagi meningkatkan keberkesanan pendidikan.

Semasa Sidang Kemuncak berkenaan, Ketua Pegawai Pendidikan dan Kemahiran di Education Development Trust, United Kingdom, Tony McAleavy menyampaikan pembentangan tentang 'Pengajaran Inovatif untuk Pendidikan Berkualiti : Kuasa Metakognisi dan Strategi Pembelajaran' manakala Pengarah Eksekutif Philippines National Institutes of Health, Dr. Eva Maria C. Cutiongco-de La Paz pula menerangkan tentang hubungan penting antara sains kesihatan dan reformasi pendidikan, sementara Penyelidik UNEVOC, Dr. Margarita Pavlova akan membentangkan berkenaan rangka kerja pecah tanah untuk inisiatif TVET hijau yang menyelaraskan

pembangunan sumber manusia dengan kelestarian alam sekitar, pada hari terakhir Sidang Kemuncak berkenaan.

Sidang Kemuncak ini bukan sahaja mengetengahkan pembentangan ucapata malah menyediakan platform dinamik untuk perkongsian pengetahuan pelbagai hala.

Sepanjang program dua hari tersebut, para peserta terlibat dalam penyelidikan mendalam melalui pembentangan selari dan panel yang menampilkan penyelesaian yang mencabar

minda mengenai isu-isu kritikal dalam sektor pendidikan, sains dan budaya serta dialog dasar berstruktur yang tertumpu kepada pelaksanaan pendekatan inovatif.

Reka bentuk program yang komprehensif ini memastikan semua pihak berkepentingan dapat menyumbang dan memperoleh manfaat daripada kepakaran kolektif, dengan setiap sesi direka khusus untuk menterjemahkan perbincangan teori kepada rangka kerja dasar yang boleh dilaksanakan.



ANTARA yang hadir di program dua hari tersebut yang berlangsung di The Empire Brunei.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Bersama dengan Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BNCCP), Pelan Pendidikan Hijau memperkukuh aspirasi negara kita untuk memajukan UN SDG. Pencapaian matlamat ini memerlukan dasar yang tersusun, rangka kerja yang teratur dan tekad bersama rakyat kita.

Dalam hal ini, saya memuji pendirian proaktif Kementerian Pendidikan kita untuk memastikan sektor pendidikan sejajar dengan pembangunan negara serta agenda kemampanan global yang lebih menyeluruh.

Saya gembira melihat komitmen jitu semua ahli terhadap visi dan misi bersama organisasi. Kesenambungan dan keberkesanan SEAMEO di seluruh rantau ini bergantung pada komuniti yang bersemangat dan berdedikasi untuk merealisasikan matlamatnya. Saya mengucapkan selamat maju jaya dan kejayaan kepada semua orang yang akan mengukuhkan semangat kerjasama yang mendalam semasa kita memperbaharui dan mengesahkan semula komitmen kolektif kita.

Bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada SEAMEO pada ulang tahunnya yang Ke-60 dan mengharap hasil persidangan yang produktif dan tidak berbelah bahagi ke arah pembangunan bermakna merentasi tiga tonggak utama Komuniti ASEAN.

Dengan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini mengisytiharkan Persidangan Majlis SEAMEO Ke-53 (SEAMEC), dibuka secara rasmi. Saya juga berbesar hati untuk melancarkan secara rasmi Pelan Pendidikan Hijau 2025 - 2035 (Greening Education Plan for 2025 through 2035) Kementerian Pendidikan NBD.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

PLATFORM MEMPERKUKUH HALA TUJU STRATEGIK BERSAMA SEAMEO



PENYERAHAN tugas Presiden Majlis SEAMEO daripada Setiausaha Pendidikan Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Juan Edgardo Sonny Angara kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan (atas). Sementara gambar bawah kanan, suasana pada persidangan tersebut.

JERUDONG, Rabu, 2 Julai. - Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) Kali Ke-53 telah diadakan bertempat di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei bermula dari 1 Julai hingga 3 Julai 2025 dan persidangan tersebut telah dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh yang juga selaku Presiden Majlis SEAMEO bagi Tahun 2025 – 2027.

Persidangan selama tiga hari tersebut merangkumi empat sesi mesyuarat iaitu Sesi In-Camera dan Plenary, Dialog Strategik Menteri-menteri Pendidikan Ke-7 serta Sesi Khas SEAMEO. Sesi mesyuarat telah meluluskan sebanyak 53 kertas kerja SEAMEO dan mendengarkan beberapa perkongsian yang dibentangkan oleh organisasi-organisasi jemputan.

Ahli-ahli Negara SEAMEO juga menyertai Dialog Strategik Menteri-menteri Pendidikan (SDEM) Kali Ke-7, yang berfungsi sebagai platform utama untuk mengongsikan amalan terbaik, mengkaji semula bidang keutamaan serantau, dan mengukuhkan hala tuju strategik bersama bagi SEAMEO.

Tema dialog kali ini bertajuk 'Menghijaukan Pendidikan Untuk Asia Tenggara Yang Mampan : Memperkasa Perubahan Melalui Tindakan Kolektif'.

Semasa sesi dialog strategik tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkesempatan menyampaikan ucapan di mana Yang Berhormat menekankan bahawa krisis iklim memberi kesan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara-negara ASEAN, di mana kekurangan kemahiran hijau global yang membimbangkan dijangka akan melonjak menjelang 2030,

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan

menggariskan keperluan untuk tenaga kerja berkemahiran bagi beralih kepada ekonomi rendah karbon.

Dalam ucapan, Yang Berhormat juga menyeru integrasi holistik Pendidikan Hijau merentasi semua mata pelajaran, dalam menumpukan kepada pemikiran kritis, literasi masa depan dan melengkapkan pelajar untuk berinovasi bagi masa depan yang berdaya tahan dan memastikan kesaksamaan dan keterangkuman melalui pembelajaran berasaskan pengalaman.

Adapun, ujar Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD) membentuk Pelan Pendidikan Hijau, sejajar dengan dasar-dasar kebangsaan untuk memupuk amalan dan tingkah laku yang berfokuskan kelestarian.

Yang Berhormat mengakhiri ucapan dengan menegaskan bahawa Pendidikan Hijau adalah pelaburan yang mesti diusahakan bagi ekonomi yang berdaya tahan, planet yang sihat dan masyarakat yang adil, dengan mengesa tindakan kolektif dan kerjasama berterusan.

Persidangan turut menyaksikan penyerahan tugas Presiden Majlis SEAMEO daripada Setiausaha Pendidikan Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Juan Edgardo Sonny Angara kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, NBD yang berkuat kuasa bagi tempoh dua tahun iaitu bermula tahun 2025 hingga 2027.

Ketika menyampaikan ucapan penyerahan tugas, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menjelaskan bahawa dalam memikul peranan ini, NBD amat

menyadari akan kepentingan dan legasi SEAMEO, sebuah organisasi yang telah menjadi tonggak kerjasama, perkongsian ilmu dan kecemerlangan dalam pendidikan khususnya di Asia Tenggara selama enam dekad yang lalu.

"Adalah menjadi satu keistimewaan untuk menyumbang perjalanan ini bersama, pada ketika sistem pendidikan di seluruh rantau bukan sahaja sedang membina semula daripada kesan gangguan global, tetapi juga berkembang untuk memenuhi tuntutan dunia yang sedang berubah dengan pesat," ujar Yang Berhormat lagi.

NBD, tambah Yang Berhormat, komited untuk membina asas kukuh yang telah diletakkan oleh mereka yang terdahulu. NBD akan

terus bekerjasama rapat dengan semua negara anggota, ahli bersekutu, ahli gabungan, pusat-pusat SEAMEO dan sekretariat dalam usaha memajukan agenda pendidikan.

"Saya berharap dapat memudahkan dialog yang terbuka, inklusif dan membina yang akan dapat membentuk visi bersama serta hala tuju strategik untuk tahun-tahun yang akan datang," ujar Yang Berhormat.

Antara program yang diadakan sempena persidangan ini ialah lawatan delegasi ke Universiti Brunei Darussalam dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, dengan mengambil kira inisiatif negara dalam menyokong Pendidikan Hijau di peringkat pendidikan menengah dan institusi pengajian tinggi, dan seterusnya membuat lawatan budaya ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



MTIC semarakkan Ilal Hijrah 1447



BERAKAS, Rabu, 2 Julai. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan

PEGAWAI Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi ketika menyampaikan Ceramah Khas.

jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah dan Doa Kesyukuran Jemaah Haji bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Amar Pahlawan MTIC, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato

Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Awang Haji Mohammad Asyraf bin Haji Bujang, diikuti dengan Ceramah Khas sempena Sambutan Ilal Hijrah bertajuk 'Hijrah Kecil Yang Memberi Impak Besar' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Dalam ceramahnya, beliau menyatakan bahawa apabila seseorang itu istiqamah dan konsisten dalam melaksanakan kewajipan dan amal ibadah, maka akan nampak impak dan kesannya terhadap diri mereka.

Awang Mohammad Nasyith juga mengongsikan, antara cara



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir di Majlis Sambutan Ilal Hijrah dan Doa Kesyukuran Jemaah Haji bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi (atas). Manakala gambar bawah kiri, majlis turut diserikan dengan bacaan Dikir Asyraqal.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

untuk memperbaiki diri adalah dengan melazimi taubat iaitu dengan beristighfar bagi membersihkan hati.

Selain itu, tambahnya, menjaga sembahyang fardu lima waktu, memperbanyakkan membaca Al-Quran serta melazimi zikir, selawat dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis turut diserikan dengan bacaan Dikir Asyraqal dan Doa Kesyukuran sempena keputungan 12 jemaah haji daripada kalangan pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-

agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis tahun ini yang dikelolakan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) merupakan antara aktiviti tahunan keagamaan MTIC yang bertujuan untuk memperingati dan menyemarakkan Sambutan Awal Muharam serta meraikan keputungan warga MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya yang telah selamat kembali ke tanah air daripada menunaikan ibadah haji tahun ini.



Doa Selamat buat anggota ABDB ke Mindanao, Republik Filipina

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 Julai. - Majlis Doa Selamat bagi pemergian ahli-ahli Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team 7/2025 (IDB VMAT 7/2025) di Mindanao, Republik Filipina diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik

Filipina ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Marian Jocelyn R. Tirol-Ignacio; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB, Pemangku Pengarah Asia/Timur Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri, Atase Pertahanan Republik Filipina ke NBD; pegawai-pegawai serta anggota-anggota Kementerian Pertahanan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah, Tadarus Al-Quran, Surah Yaa Siin dan Asmaul Husna, diikuti dengan tazkirah bertajuk

'Menggalas Amanah Demi Mengharap Reda Allah' yang disampaikan oleh Leftenan (U) Haji Muhammad Syasuandi bin Haji Abu Bakar, Pegawai dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT).

Majlis disusuli dengan penyampaian cenderamata berupa senaskah Al-Quran, buku Yaa Siin dan buku bertajuk 'Hikmah Di Sebalik Jihad' kepada kontinjen IDB VMAT 7/2025 yang diiringi dengan laungan Dikir Marhaban.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Sunat Dhuha, bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT ABDB, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar, dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa menyampaikan cenderamata kepada salah seorang penerima (atas). Manakala gambar bawah dan bawah kiri, sekitar majlis tersebut.

Kontinjen IDB VMAT 7/2025 yang terdiri daripada tiga pegawai ABDB, yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Pengiran Ridzamaizal bin

Pengiran Haji Salleh, dijadualkan akan bertolak ke Mindanao, Republik Filipina pada Isnin, 7 Julai 2025.



HIJRAH SEBAGAI LANDASAN KECEMERLANGAN BERTERUSAN DALAM KEHIDUPAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei



GADONG, Rabu, 2 Julai. - Dengan penuh kesyukuran dan keberkatan, Badan Ugama Islam (BUI), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan Majlis Ceramah Ilal Hijrah 1447, serta Doa Kesyukuran bagi kepulangan jemaah haji anggota PPDB di Surau Polis Gadong.

Majlis dihadiri oleh tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin bersama Datin

Sabrina binti Abdullah selaku Yang Di-Pertua PEKERTI.

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia DCP Pengiran Anak Haji Mohammad Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; Pengerusi Majlis BUI, PPDB, Timbalan Penguasa Polis (DSP) Mohd. Aimi Safwan bin Zalidin; Pengarah-pengarah, Timbalan Pengarah, pegawai-pegawai

kanan, pegawai-pegawai, keanggotaan dan kakitangan awam PPDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar.

Seterusnya, ceramah bertajuk 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan yang Mampan' disampaikan oleh Penolong Profesor Fakulti Syariah, Kolej



PESURUHJAYA Polis, Polis Diraja Brunei (PPDB) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan dan seterusnya tetamu kehormat menabur Bunga Rampai kepada jemaah haji anggota PPDB (kiri dan atas).

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Dr. Haji Noralizam dalam ceramahnya menekankan pentingnya semangat hijrah sebagai landasan kecemerlangan berterusan dalam kehidupan dan tugas.

Menurutnya, kita diingatkan agar sentiasa bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam setiap keadaan dan umat Islam juga digalakkan untuk sentiasa bertaubat, kerana pintu

keampunan-Nya sentiasa terbuka bagi hambanya yang ingin kembali.

Di samping itu katanya, kita hendaklah sentiasa mengingati Allah di mana sahaja kita berada sebagai tanda keimanan.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan Doa Kesyukuran bagi memohon keberkatan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala atas kepulangan jemaah haji pegawai dan anggota pangkat rendah PPDB.

SEMAI SEMANGAT PATRIOTIK, SAYANG TERHADAP RAJA



KAMPUNG SUNGAI BUNGA, Rabu, 2 Julai. - Dalam sama-sama menyemai semangat patriotik dan rasa sayang terhadap raja yang dikasihi, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga

dan Pudak dengan kerjasama Sekolah Rendah Tanjong Kindana Kluster 2, Perumahan Kampung Sungai Bunga pagi tadi mengadakan Majlis Menaikkan Bendera sempena Sambutan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Ketua Kampung Subok juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa sesi bergambar ramai (atas). Manakala gambar atas kiri, tetamu kehormat menyempurnakan sumbangan bendera kepada salah seorang ketua keluarga yang terpilih.

Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 Peringkat Zon 3.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di pekarangan sekolah tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh.

Juga hadir, Ahli MMN, Yang

SEBAHAGIAN daripada murid-murid sekolah tersebut yang hadir pada Majlis Menaikkan Bendera sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025 Peringkat Zon 3.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing; Guru Besar Sekolah Rendah Tanjong Kindana, Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Kampong Ayer dan penghulu mukim, pemangku-pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung Tadahan Zon 3.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Kampung Menunggol, Awang Haji Ibrahim bin Haji Osman diikuti dengan penyerahan bendera untuk dikibarkan.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyerahan sumbangan bendera kepada 14 ketua keluarga terpilih yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Majlis Menaikkan Bendera Peringkat Zon 3 merupakan program tahunan dalam kalendar aktiviti kegiatan kemasyarakatan Zon 3 dan pelaksanaannya dikelolakan oleh mukim / kampung di bawah tadahan Zon 3.

Adapun tujuan majlis diadakan bagi mengambau seluruh penduduk mukim dan kampung khususnya Kampung Sungai Bunga dan Pudak untuk mengibarkan bendera di rumah masing-masing sebagai tanda kasih dan sayang terhadap raja kita.

Selain itu, ia juga bertujuan memupuk rasa patriotik dalam kalangan murid-murid sekolah rendah sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim dan kerjasama yang erat antara MPK dengan pihak sekolah kampung / mukim tersebut.

Upacara Menaikkan Bendera memperkukuh perpaduan rakyat



Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Majlis Bahagian Perhubungan dan Media, Mukim Sengkurong

SENGKURONG, Rabu, 2 Julai. - Mukim Sengkurong dengan penuh rasa taat setia dan merafak sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-79, Tahun 2025.

Sebagai lambang

penghormatan dan kecintaan rakyat kepada baginda, Majlis Menaikkan Bendera telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan, Mukim Sengkurong, kelmarin.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat bagi memohon keberkatan serta kesejahteraan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Menaikkan Bendera yang telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan, Mukim Sengkurong (atas). Manakala gambar atas kiri, Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam oleh pasukan-pasukan kadet dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ini diikuti dengan Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam oleh pasukan-pasukan kadet dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Sengkurong yang diserikan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Majlis ini merupakan antara

acara tahunan bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali gus mencerminkan semangat patriotik dan perpaduan rakyat di peringkat akar umbi.

Turut hadir, Penghulu Mukim Sengkurong, Dr. Haji Abdullah Hanif bin OKMD Haji Saman, Ketua

Kampung dan Pemangku Ketua Kampung Mukim Sengkurong wakil dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain Sengkurong, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta penduduk sekitar.

Acara ini bukan sahaja memperingati dan memuliakan Sambutan Hari Keputeraan baginda, bahkan menjadi wahana menyatupadukan masyarakat serta memperkukuhkan nilai kenegaraan dan jati diri rakyat.

SEORANG ANGGOTA WANITA ABDB PELUK ISLAM

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

TUTONG, Jumaat, 4 Julai. - Majlis Pengislaman seorang anggota wanita Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) disempurnakan petang tadi bertempat di Kampung Sungai Damit Pemasang, Mukim Ukong, di sini.

Pengendalian Majlis Pengislaman tersebut merupakan tanda sokongan berterusan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan masyarakat terhadap saudara baharu dalam meniti perjalanan keimanan, di samping mengeratkan hubungan antara saudara baharu dengan masyarakat Islam setempat.

Dayang Shereni binti Imbaran,

berusia 23 tahun yang merupakan anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) telah melafazkan dua kalimah syahadah pada majlis yang diadakan di kediamannya.

Setelah memeluk agama Islam, Dayang Shereni kini dikenali sebagai Dayang Nur Shereni binti Abdullah Imbaran.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, yang juga Penghulu Mukim Ukong, Daerah Tutong.

Turut hadir, Pemangku Pemerintah TDDDB, Kolonel Muhammad Wata bin Abdullah

Awat; dan Pemangku Pegawai Agama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan melafazkan dua kalimah syahadah oleh saudara baharu.

Acara turut diserikan dengan Dikir Marhaban, taburan bunga rampai serta Doa Selamat yang menandakan keberkatan atas detik penting tersebut.

Sebagai tanda sokongan dan penghargaan, PDI turut menyampaikan cenderamata yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Menurut statistik PDI, seramai 128 orang telah memeluk agama Islam di Negara Brunei Darussalam bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini, dengan Daerah Tutong mencatatkan seramai 36 saudara baharu.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, yang juga Penghulu Mukim Ukong hadir selaku tetamu kehormat serta menyampaikan penyampaian cenderamata kepada Dayang Nur Shereni binti Abdullah Imbaran.

Mangsa kebakaran terima sumbangan kewangan YSHHB



PENYAMPAIAN sumbangan kepada mangsa kebakaran telah berlangsung di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Jalan Perdana Menteri

Oleh : Haniz Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 Julai. - Sumbangan berjumlah BND6,550 telah disampaikan kepada keluarga Awang Amansah bin Mohd. Zaini, yang terjejas akibat kejadian kebakaran di Rancangan Perumahan Negara Kampung Panaga Kawasan C.

Hadir menyempurnakan sumbangan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kewangan yang diadakan di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Jalan Perdana Menteri, ialah Penolong Pengarah Urusan Agensi

Pelaburan Brunei, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Turut hadir ialah Penolong Pengarah Urusan, pegawai serta kakitangan YSHHB.

Penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dan ahli kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Selaras dengan hasrat murni tersebut, YSHHB sentiasa menzahirkan keprihatinan terhadap golongan yang kurang bernasib baik, termasuk mereka yang terlibat dalam musibah seperti kebakaran rumah.

Bantuan yang disalurkan bertujuan untuk meringankan beban mangsa dan membantu mereka meneruskan kehidupan seharian.



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan lelaki dan No. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi:

- 1 dalam 5 kanser lelaki
- 1 dalam 10 kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengendalikan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>

Syarikat dibenarkan kendali khidmat umrah

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji sukacita memaklumkan bahawa sebuah agensi pelancongan diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2025 Masihi iaitu Darul Rahman Travel Sdn. Bhd.

Dengan kebenaran yang diberikan tersebut, maka pada masa ini sebanyak 37 agensi pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2025M.

Antara syarikat tersebut ialah Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Syarikat Straits Central Agencies Sdn. Bhd., Syarikat Continental Yachting Sdn. Bhd., Syarikat Raudah Al-Amin Sdn. Bhd., Syarikat Titian Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd., Syarikat Dar El-Ehsan Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Baluriah Travel Sdn. Bhd.

Seterusnya, Syarikat As-Safa Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Al-Abraj Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Aleiya Voyages Sdn. Bhd., Syarikat Al-Hajat Tours & Travels Agency Sdn. Bhd., Syarikat Al-Haramain Bil Iman Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Al-Miqat Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Firdaus Al-Munawwarah Travel Services Sdn. Bhd. dan Syarikat Ghufuran Travel & Tours Sdn. Bhd.

Sementara itu, Syarikat Hayya Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd., Syarikat Hurriyah Travel Services Sdn. Bhd., Syarikat Ijtihad Travel Sdn. Bhd., Syarikat Lamisa International Tours & Travels Sdn. Bhd., Syarikat Maduli Agency Travel Sdn. Bhd., Syarikat Mustaqim Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Az-Zain Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Az Back To Nature Travel Sdn. Bhd.

Syarikat El-Abqari Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Humzaik Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat Simply Umrah (B) Travel & Tours Sdn. Bhd., Syarikat JB Travel Agencies Sdn. Bhd., Syarikat PGGMB Travel Services Sdn. Bhd., Syarikat Al-Hambra Travel And Tours Sdn. Bhd., Syarikat An-Nur Al-Khayr Travel & Tours Sdn. Bhd., Ikhlas Global Tours Sdn. Bhd., Al Kheira Travel and Tours Sdn. Bhd., Hafiz Bru Travel and Tours Sdn. Bhd. dan Darul Rahman Travel Sdn. Bhd.

Sehubungan itu, orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat umrah bolehlah mengikuti dan berhubung terus dengan agensi-agensi pelancongan yang dibenarkan tersebut.

EKSPLO KETENGGAHKAN HASIL PRODUK PERABOT, KRAF TANGAN PARA BANDUAN



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Rasmi Ekspo Pameran dan Jualan Produk INSAF Jabatan Penjara (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Julai. - Jabatan Penjara Brunei mengadakan Ekspo Pameran dan Jualan Produk INSAF Jabatan Penjara sempena memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-71, Tahun 2025.

Ekspo ini akan berlangsung selama empat hari, bermula hari ini hingga 6 Julai 2025, bertempat di OneCity Shopping Centre, bermula pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Rasmi bagi ekspo tersebut ialah Setiausaha Tetap

(Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salmin bin Haji Burut. Turut hadir, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN.

Ekspo Pameran dan Jualan Produk INSAF, Jabatan Penjara adalah merupakan projek tahunan Jabatan Penjara bersempena memperingati Penubuhan Jabatan Penjara.

Dalam ekspo berkenaan pelbagai produk-produk daripada Jabatan Penjara yang dihasilkan oleh banduan-banduan yang mengikuti program perusahaan di

institusi-institusi Jabatan Penjara seperti Meja Sterika, Meja Bilik Tamu, Rak Serbaguna, set penyalai dan sebagainya lagi.

Pada tahun-tahun lalu, Ekspo Pameran dan Jualan ini pernah diadakan di Dermaga Diraja, pusat-pusat membeli-belah seperti Times Square, Airport Mall, One Station dan Rimba Point dengan sokongan daripada pelbagai pihak bagi menjayakan ekspo tersebut.

Adapun tujuan Ekspo Pameran dan Jualan Produk INSAF Jabatan Penjara tersebut adalah memperkenalkan hasil produk perabot dan kraf tangan daripada para banduan yang mengikuti program pemulihan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk membarigakan kepada masyarakat akan amalan pemulihan yang dilaksanakan khususnya melalui Latihan Vokasional dan Kemahiran di samping mendekatkan hubungan bersama masyarakat bagi menyokong dan bekerjasama dalam menjayakan program-program pemulihan di Jabatan Penjara.

Sebagai salah satu usaha dalam proses pengintegrasian semula Rakan Seliaan dalam masyarakat, ia juga dihasratkan dapat memberikan peluang kepada Rakan Seliaan untuk memperkenalkan produk-produk mereka kepada masyarakat.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak

Memastikan bekalan makanan selamat, kesihatan awam terus terpelihara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Julai. - Autoriti Makanan Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Food Authority-BDFA) hari ini mengadakan sesi bengkel bersempena dengan Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2025, yang disambut secara global pada setiap 7 Jun.

Bengkel selama sehari tersebut diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan dan dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab juga selaku Ahli Lembaga Pengarah BDFA.

Dayang Hajah Tutiaty dalam ucapannya menjelaskan, sistem makanan di negara ini adalah satu sistem yang bersifat saling melengkapi, bersinergi dan berkolaborasi, dengan agensi-agensi kerajaan termasuk BDFA bertanggungjawab untuk melaksanakan mandat peraturan,

manakala pihak industri makanan pula perlu terus berkembang dan maju bagi menyokong pertumbuhan dan peluasan ekonomi negara.

Menurutnya, kedua-dua pihak perlu saling memahami dan menghargai peranan masing-masing serta bekerjasama untuk saling memperkukuh antara satu sama lain.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar semua peserta dan pihak berkepentingan dapat menggunakan bengkel hari ini sebagai satu peluang dan platform penting untuk menimba ilmu, mendapatkan sokongan dan menjalin kerjasama.

"Industri makanan kita merupakan tunjang utama kepada sistem makanan negara yang menjadi jambatan antara kemajuan saintifik dan makanan yang dinikmati oleh masyarakat setiap hari.

"Maka, saya menyeru kepada semua pihak yang terlibat dalam

industri makanan seperti para petani, pengimport makanan, pengeluar makanan, pengusaha perniagaan makanan, pengawal selia dan institusi pendidikan, agar kita semua berganding bahu untuk menjadikan ilmu sains sesuatu yang dapat memberi kesan sebenar dalam kehidupan," ujarnya lagi.

Dayang Hajah Tutiaty seterusnya menambah agar sokongan penyelidikan, bangunan sistem kawalan makanan yang kukuh, laburkan dalam langkah pencegahan, gunakan teknologi canggih bagi mengesan risiko secara awal, latihan dan berikan kuasa kepada para pekerja dengan pengetahuan keselamatan makanan terkini, jalin kerjasama antara satu sama lain untuk menangani cabaran baharu seperti kesan perubahan iklim atau bahan pencemar baharu, dan dengarlah suara pengguna kerana keselamatan makanan bukan sesuatu yang statik kerana ia sentiasa berkembang mengikut keperluan semasa.

Sempena sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia tahun ini, beliau juga ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi pujian kepada para saintis, pegawai pemeriksa, petani, pengimport makanan, pengeluar makanan dan pengendali makanan yang saban hari menggunakan kepakaran mereka untuk memastikan keselamatan makanan sentiasa terjamin.

Tambahnya lagi, usaha gigih mereka amat penting dalam

TETAMU kehormat semasa melawat salah sebuah pameran pada bengkel berkenaan.



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga selaku Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA) semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis.

memastikan bekalan makanan kita selamat dan kesihatan awam terus terpelihara.

Majlis perasmian terlebih dahulu dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Pegawai Teknikal, BDFA, Dayang Dr. Norashkin binti Haji Md. Fadillah selaku Pengerusi Bersama, Jawatankuasa Penganjur.

Dengan bertemakan 'Keselamatan Makanan : Sains Beraksi', bengkel tersebut bertujuan untuk mengumpulkan pihak-pihak yang berkepentingan di dalam industri makanan, sama ada mereka yang terlibat dalam pengimportan, pembuatan atau penjualan makanan, dalam menyediakan makanan yang berkualiti dan pada masa yang sama, memelihara kesihatan dan keselamatan pengguna.

Tetamu kehormat majlis, para jemputan dan para peserta juga berpeluang menyaksikan sebuah

pameran kecil yang memaparkan peranan dan perkhidmatan yang disediakan oleh BDFA dan Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan dalam mempromosi dan memberikan sokongan kepada industri makanan tempatan.

Bengkel antara lain bertindak sebagai sebuah arena yang bernilai bagi penglibatan bermakna dengan agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak berkepentingan, industri makanan dan rakan kongsi dalam sektor makanan.

Objektif bengkel berkenaan adalah untuk memberikan penekanan terhadap peranan kritikal sains dan pendekatan-pendekatan yang berasaskan bukti dalam memastikan keselamatan, kualiti dan integriti bekalan makanan, dan tanggungjawab bersama ini memerlukan kerjasama, inovasi dan kewaspadaan berterusan.



SIDANG KEMUNCAK CPRN 2025 LABUH TIRAI



SESI bergambar ramai bersama Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup bagi Sidang Kemuncak Rangkaian Penyelidikan Dasar (CPRN) Pusat SEAMEO 2025 yang telah berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei.

Adriany meluahkan keyakinan yang tinggi terhadap cadangan dasar yang muncul daripada perbincangan sidang kemuncak berkenaan.

Beliau juga mengumumkan bahawa SEAMEO CECCEP akan menjadi tuan rumah edisi seterusnya Sidang Kemuncak CPRN pada tahun 2026 dan 2027, memastikan kesinambungan dialog serantau yang penting tersebut.

Sidang Kemuncak CPRN 2025 telah mewujudkan rangka kerja yang kukuh untuk kerjasama rentas sektor, melancarkan beberapa inisiatif utama yang akan membentuk pelaksanaan dasar di seluruh Asia Tenggara.

Hasil daripada sidang kemuncak tersebut diharapkan dapat diformalkan menjadi polisi ringkas untuk diedarkan kepada negara-negara anggota SEAMEO, memastikan perbincangan tersebut diterjemahkan ke dalam tindakan nyata.

Kejayaan acara ini mengukuhkan peranan SEAMEO VOCTECH sebagai penyelar utama dialog dasar dan pemangkin pembangunan lestari di rantau ini.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Jumaat, 4 Julai. - Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH petang tadi mengadakan Majlis Penutup bagi Sidang Kemuncak Rangkaian Penyelidikan Dasar (CPRN) Pusat SEAMEO 2025 yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei, di sini.

Majlis penutup berkenaan menandakan acara kemuncak dua hari dialog dasar yang bertemakan 'Building Bridges to a Sustainable

Future : Inclusive Collaboration and Innovation in Education, Science, and Culture'.

Sidang kemuncak berkenaan menghimpunkan pembuat dasar kanan, penyelidik, dan pemimpin pendidikan dari seluruh Asia Tenggara dan negara-negara rakan kongsi.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini

Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Juga hadir, Pengarah Sekretariat SEAMEO, Datuk Dr. Habibah binti Abdul Rahim; Pengarah Pusat SEAMEO VOCTECH, Awang Haji Norjemee bin Jenek; serta pengarah, timbalan pengarah, dan pegawai kanan dari negara-negara anggota SEAMEO serta institusi rakan kongsi.

Atur cara turut diisi dengan ucapan yang disampaikan oleh Felo Penyelidik di Pusat UNEVOC dan Profesor Pelawat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Dr.

Margarita Pavlova yang membentangkan pandangan terbaharu mengenai 'Peralihan Hijau di ASEAN: Menghijaukan TVET sebagai Pemacu Inovasi dan Penglibatan Komuniti'.

Tetamu kehormat juga dijemput untuk menyempurnakan penyampaian sijil kepada penceramah utama sebagai penghargaan atas sumbangan berharga mereka kepada wacana siding kemuncak.

Dalam ucapan sintesis beliau, Pengarah Pusat SEAMEO CECCEP Indonesia, Dr. Vina

Mendukung idea inovatif, tangani cabaran kelestarian global



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) hadir selaku tetamu kehormat di seminar yang telah diadakan di Lecture Theatre 2, UTB.

2025) dan berperanan sebagai platform strategik bagi menggalakkan dialog antara pihak akademik, industri dan kerajaan dalam memacu inovasi mampan serta memupuk kerjasama dalam menangani cabaran alam sekitar.

Hadir selaku tetamu kehormat, Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Jawatankuasa Seminar CIPTA 2025, Dr. Ismawi bin Haji Md. Yusof, antara lain menjelaskan yang mana pada tahun 2025, dengan tema 'Inovasi Hijau', tumpuan itu amat bertepatan dengan masa memandangkan dunia sedang mengorak langkah dalam mencari penyelesaian mampan dan ketahanan teknologi.

Menurutnya, seminar tersebut direka bentuk untuk memberikan refleksi mendalam mengenai pertandingan CIPTA 2025, dengan memberi fokus kepada elemen-elemen utama seperti penyertaan, pencapaian serta sumbangan keseluruhan pertandingan tersebut terhadap landskap inovasi.

"Berteraskan tema Inovasi Hijau, seminar ini akan meneliti bagaimana idea-idea inovatif dapat menyokong objektif pembangunan

negara sambil menangani cabaran kelestarian global," tambahnya.

Seterusnya, ucapan secara maya telah disampaikan oleh Profesor Dr. Wan Zuha Wan Hasan dari Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sesi diteruskan dengan forum perbincangan yang dikendalikan oleh Timbalan Ketua Jawatankuasa Teknikal CIPTA 2025, Ir. Dr. Nor Asiah binti Muhamad.

Forum tersebut menampilkan barisan panelis tersohor dari pelbagai bidang termasuk akademik, inovasi sektor awam serta industri kewangan dan perkhidmatan.

Antara panelis yang terlibat ialah Profesor Dr. Wan Zuha Wan Hasan; Ketua Bahagian Kualiti Perkhidmatan, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar; dan Ketua Jawatankuasa Teknikal CIPTA 2025, Pengiran Dr. Rafidah binti Pengiran Haji Petra.

Para panelis berkongsi pandangan berdasarkan pengalaman dan kepakaran masing-masing, menekankan keperluan industri yang sentiasa berkembang, peranan inovasi dalam bidang pendidikan dan penyampaian perkhidmatan, serta kepentingan kerjasama untuk menghasilkan penyelesaian yang berimpak.

Seminar diakhiri dengan sesi soal jawab interaktif yang memberi peluang kepada para peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan panelis, sekali gus memperkaya lagi perbincangan dan input yang dikongsikan sepanjang seminar tersebut.

SEBAHAGIAN daripada peserta yang menghadiri seminar tersebut (kiri).



TUNGKU LINK, Khamis, 3 Julai. - Sempena Anugerah CIPTA 2025 anjuran bersama Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Brunei LNG Sendirian Berhad, Seminar Eksekutif bertajuk 'Green Innovation for Sustainability' diadakan di Lecture Theatre 2, UTB serta disiarkan secara maya melalui platform Zoom.

Seminar tersebut merupakan salah satu acara dalam Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2025 - Brunei MYCE



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Kita hidup di dunia ini saling memerlukan antara satu sama lain kerana itulah agama kita menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga dan memelihara hubungan persaudaraan yang baik sesama manusia tanpa mengira agama, pangkat mahupun bangsa terutamanya dengan jiran tetangga.

Sesungguhnya mengeratkan dan memelihara hubungan dengan jiran tetangga adalah sangat penting. Ini kerana jiran umpama saudara yang dekat dan berada pada kedudukan yang paling mudah untuk kita saling bantu-membantu, apatah lagi dengan adanya sikap kemesraan dan saling pemedulian, ia dapat menjadikan kehidupan bermasyarakat dan bernegara itu lebih bersatu padu dan harmoni serta jauh

Menjaga hak jiran tetangga

daripada sebarang persengketaan dan permusuhan. Daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sebaik-baik teman di sisi Allah ialah orang yang baik terhadap sahabatnya. Manakala sebaik-baik jiran di sisi Allah ialah orang yang paling baik dengan jirannya". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Dalam konteks menjaga hubungan silaturahim sesama jiran, janganlah sekali-kali kita menyakiti hati mereka, sama ada dengan perkataan, perbuatan mahupun tingkah laku yang boleh menyinggung perasaan sesama jiran tetangga.

Ini termasuklah dalam perkara menjaga kebersihan di kawasan tempat kita tinggal atau kawasan jiran yang tinggal berdekatan dengan kediaman kita, antaranya seperti tidak membiarkan rumput atau pokok-pokok di halaman rumah terbiar sehingga mengganggu kawasan atau halaman rumah jiran, membiarkan sampah sarap berlonggok dan bersepah sehingga mengeluarkan bau yang busuk dan tidak menyenangkan.

Selain itu, iaitu bagi menjaga ketenteraman dan keharmonian hidup berjiran, kita juga hendaklah peka dan sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur seperti tidak membiarkan binatang ternakan dan peliharaan berkeliaran, apatah lagi sehingga memasuki kawasan dan halaman rumah jiran serta membuat kotor atau merosakkan bunga, tanaman atau harta benda jiran dan elakkanlah berbuat bising atau hiburan yang keterlaluan sehingga larut malam yang boleh menyebabkan jiran berasa terganggu dan sukar untuk beristirahat. Daripada Abu Syurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Demi Allah orang itu tidak beriman, demi Allah orang itu tidak beriman, demi Allah orang itu tidak beriman. Lalu seorang lelaki pun bertanya siapakah orang itu wahai Rasulullah? Baginda pun menjawab : Orang yang jirannya tidak berasa aman daripada kejahatannya".

(Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Dalam kehidupan berjiran, ada hak dan tanggungjawab yang mesti kita tunaikan. Imam Al-Ghazali di dalam Kitab 'Ihya Ulumuddin' ada menyebutkan beberapa hak dan tanggungjawab tertentu yang perlu dilaksanakan, antaranya ialah :

Pertama : Memulakan memberi salam kepada jirannya.

Kedua : Menziarahi jiran ketika sakit dan mengucapkan takziah ketika berlaku kematian.

Ketiga : Jangan terlalu bertanya tentang hal-hal peribadi jiran.

Keempat : Memaafkan segala kesalahan dan kesilapan jiran.

Kelima : Menutup keaiban yang berlaku pada jiran.

Keenam : Sentiasa bersikap lemah lembut terhadap anak-anak jiran.

Ketujuh : Sentiasa membantu jiran apabila ditimpa musibah.

Kelapan : Tidak menyakiti dan menyusahkan jiran sama ada dari segi perkataan, perbuatan mahupun tingkah laku.

Kesembilan : Janganlah terpengaruh dengan kata-kata orang yang cuba memburuk-burukkan jirannya.

Kesepuluh : Jangan menyempitkan perjalanan menuju ke rumah jiran.

Sesungguhnya agama kita menganjurkan umatnya untuk sentiasa melakukan kebaikan kepada jiran tanpa mengira agama mahupun bangsa. Amalan hormat-menghormati, bantu-membantu dan saling bertolak ansur sesama jiran akan dapat menjadikan kehidupan berjiran lebih harmoni, sejahtera dan akhirnya akan melahirkan masyarakat, bangsa dan negara yang kuat dan bersatu padu.

Selaku seorang Muslim, sebagaimana kita dituntut untuk menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukan pertolongan, begitulah juga dalam kehidupan berjiran. Jika kita mengetahui kesusahan yang dihadapi oleh jiran, kita hendaklah menghulurkan bantuan.

Bantuan yang dimaksudkan bukan saja terbatas kepada bantuan yang berbentuk kewangan dan material sahaja, bahkan

termasuklah juga bantuan tenaga, kerjasama dan buah fikiran, contohnya meminjamkan kawasan rumah, membersihkan kawasan sekitarnya dan sebagainya ketika jiran mengadakan majlis kenduri dan begitu juga kita hendaklah memberikan bantuan dan sokongan kepada jiran jika mereka ditimpa musibah seperti apabila berlakunya kematian, kebakaran dan seumpamanya. Amalan sebegini dapat memupuk sikap berkasih sayang dan hormat-menghormati sesama jiran tetangga. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia memuliakan jirannya". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Untuk membina dan mengekalkan hubungan yang baik dengan jiran tetangga kita, bukanlah satu perkara yang sukar. Ini kerana apa yang penting ialah kita hendaklah sentiasa mengamalkan budi pekerti dan tingkah laku yang mulia. Oleh yang demikian, sekiranya semua ini diaplikasikan dan diamalkan dalam kehidupan berjiran, insyaaAllah kita akan dapat mengecapi nikmat kehidupan yang harmoni, aman damai, bahagia dan bersatu padu.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berusaha membina kehidupan berjiran mengikut ajaran dan syiar Islam. Mudah-mudahan dengan yang demikian, ia dapat melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perjalanannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membangga-banggakan diri". (Surah An-Nisa, ayat 36)

Perbadanan TAIB terima 2 anugerah berprestij di ABF

Siaran Akhbar dan Foto :
Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei



REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 4 Julai. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) telah menerima dua anugerah berprestij semasa Asian Banking and Finance (ABF) Retail Banking Awards 2025 yang berlangsung pada 3 Julai 2025 di Marina Bay Sands Expo and Convention Centre, Republik Singapura.

Perbadanan TAIB telah dianugerahkan Digital Transformation of the Year - Brunei, dan Islamic Banking Initiative of the Year - Brunei.

Mewakili Perbadanan TAIB, Pengarah Urusan, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim, yang telah menerima anugerah-anugerah tersebut di majlis

PENGARAH Urusan, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim mewakili Perbadanan TAIB semasa menerima dua anugerah pada Asian Banking and Finance (ABF) Retail Banking Awards 2025 yang berlangsung di Marina Bay Sands Expo and Convention Centre, Republik Singapura.

penganugerahan berkenaan.

Anugerah Digital Transformation of the Year mengiktiraf komitmen berterusan Perbadanan TAIB dalam memacu inovasi dan memodenkan perkhidmatan kewangan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Anugerah tersebut menekankan usaha Perbadanan TAIB dalam menyediakan pengalaman perbankan yang selamat, berteraskan pelanggan, dan dipacu oleh teknologi digital. Menerusi strategi transformasi digital yang menyeluruh, Perbadanan TAIB telah berjaya meningkatkan kecekapan operasi, memperdalamkan lagi tahap penglibatan pelanggan, serta mempertingkatkan tadbir urus dan keselamatan teknologi maklumat (Information technology-IT).

Usaha-usaha tersebut juga sejajar dengan keutamaan nasional di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital NBD.

Antara pencapaian utama termasuk usaha memperkenalkan perjalanan pelanggan digital yang lebih lancar, peluasan perkhidmatan digital dalam masa langsung, serta pengukuhan rangka kerja pematuhan dan tadbir urus.

Inisiatif - inisiatif tersebut membolehkan Perbadanan TAIB memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan sambil memperkukuh lagi kedudukannya sebagai institusi kewangan Islam inovatif yang diyakini dan sentiasa berpandang ke hadapan.

Sementara itu, anugerah Islamic Banking Initiative of the Year telah dianugerahkan bagi akaun simpanan Retirement Saver Perbadanan TAIB yang berlandaskan prinsip Syariah, serta bertujuan menggalakkan simpanan persaraan dalam kalangan warganegara dan juga golongan ekspatriat yang bekerja di NBD.

Produk tersebut mula diperkenalkan pada 2022, dan inisiatif tersebut telah mencatatkan kadar pengambilan yang meningkat serta pertumbuhan portfolio yang ketara. Pencapaian terkini seterusnya mengukuhkan kedudukan produk akaun simpanan Retirement Saver sebagai salah satu penyelesaian perbankan Islam terkemuka, yang sebelum ini telah juga



menerima anugerah Best Islamic Deposit Product in Asia Pacific oleh TAB Global pada Februari 2025.

Menurut Datin Hajah Hasnah, Perbadanan TAIB amat terharu dengan penganugerahan ABF yang memberikan pengiktirafan terhadap komitmen Perbadanan TAIB dalam menerajui inovasi serta penyediaan penyelesaian kewangan Islam yang inklusif, serta menegenahkan peranan Perbadanan TAIB dalam usaha

berterusan yang mendorong Wawasan Brunei 2035 ke arah ekonomi digital yang maju dan mapan.

Majlis ABF Retail Banking Awards merupakan acara tahunan yang memberi pengiktirafan kepada kecemerlangan institusi kewangan di rantau Asia. Pencapaian Perbadanan TAIB tahun ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam perjalanan transformasi institusi tersebut.

UBD SAMBUT ILAL HIJRAH DENGAN TADABBUR KHAS AL-QURAN



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir selaku tetamu kehormat Tadabbur Khas Al-Quran sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447 Hijrah (atas dan kanan).



Siaran Akhbar: Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU, Jumaat, 4 Julai. - Sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447 Hijrah, Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Tadabbur Khas Al-Quran yang diadakan di Masjid Universiti.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada acara tersebut ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle, dan juga hadir sama termasuk kakitangan UBD dan para pelajar.

Kemuncak acara itu ialah ceramah khas yang disampaikan

oleh Dr. Widad binti Haji Abdul Aziz, bertajuk 'Penerapan Nilai Penghijrahan pada Era AI'.

Dalam ceramah Dr. Widad antara lain menekankan meneroka penghijrahan dalam konteks kemajuan teknologi moden, khususnya peranan Kecerdasan Buatan (AI) dalam

membentuk nilai, identiti, dan transformasi.

Acara diteruskan dengan Doa Kesyukuran bersempena kepulauan jemaah haji UBD dengan selamat.

Majlis seumpama ini berfungsi sebagai teladan serta kesyukuran, dan pengajaran daripada

penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terutamanya ketika masyarakat mengharungi perubahan pesat dalam era digital.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web rasmi UBD atau Instagram di @ubdbuzz dan @studentaffairsudb.

Bina ketahanan ekonomi Borneo

Siaran Akhbar dan Foto :
The ASEAN Business
Advisory Council

GADONG, Khamis, 3 Julai. - The Borneo Business Roundtable 2025 telah menghimpunkan para penggubal dasar, pemimpin perniagaan dan pihak berkepentingan serantau dari seluruh Negara Brunei Darussalam (NBD), Sabah dan Sarawak untuk satu dialog intensif mengenai cara mempercepatkan peranan Borneo sebagai koridor ekonomi bersatu dalam ASEAN yang berlangsung di Rizqun International Hotel, baru-baru ini.

Bertemakan 'Connected Borneo : Advancing Trade, Talent and Transformation', sesi ini meneroka bagaimana hubungan fizikal, digital dan institusi boleh membuka lebih banyak nilai ekonomi dan kerjasama di dalam dan luar pulau Borneo.

Acara ini dianjurkan sebagai sebahagian daripada The Brunei Economy Programme dan dianjurkan oleh the ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC) NBD dan the APEC Business Advisory Council (ABAC) NBD dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Ia menghimpunkan pemimpin kerajaan dan industri untuk membincangkan peluang strategik dalam integrasi intra-Borneo secara fizikal, digital dan institusi.

Dalam ucapan pembukaan, Ahli ASEAN-BAC dan Presiden the National Chamber of Commerce and Industry Brunei Darussalam (NCCIBD), Awang Haji Abdul Saman bin Haji Ahmad dan Pengerusi ABAC Brunei dan Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Brunei, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim menekankan keperluan kerjasama serantau yang lebih mendalam bagi membuka kemakmuran bersama dan mewujudkan ruang ekonomi yang lebih berdaya tahan di seluruh Borneo.

Sesi Perkongsian turut menampilkan pandangan daripada Datuk Bandar Bandaraya Miri, Yang Berhormat Adam Yii; Ketua Pegawai Eksekutif Invest Sabah

SEKITAR The Borneo Business Roundtable 2025 telah berlangsung di Rizqun International Hotel (kanan, bawah dan bawah kanan).

Berhad, Dr. Firdausi Suffian; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), Daniel Leong dan Pengarah Negara BIMP-EAGA NBD, Awang Haji Alimen bin Haji Ja'afar.

Mereka menggariskan usaha untuk mengukuhkan hubungan perdagangan, meningkatkan kesalinghubungan infrastruktur serta memperkukuh kerjasama dalam pelancongan, penjagaan kesihatan, tenaga boleh diperbaharui dan ekonomi digital.

Antara yang diketengahkan ialah visi Miri untuk menjadi sebuah bandar pintar, hijau dan bertaraf antarabangsa bersama dengan pelan hala tuju tenaga Sabah dan strategi kepelbagaian ekonomi NBD.

Sesi seterusnya bertajuk 'A Conversation on Borneo's Role in the ASEAN Power Grid', menampilkan ucap-tama oleh Pengurus Kanan APAEC dan Perkongsian Strategik di Pusat



Tenaga ASEAN, Beni Suryadi.

Panel ini membincangkan bagaimana sumber tenaga boleh diperbaharui yang kaya di Borneo seperti tenaga solar, hidrogen dan biojisim di mana boleh menyokong peralihan ASEAN ke arah masa depan tenaga bersih dan berhubung.

Perbincangan turut menyentuh jurang infrastruktur, perdagangan tenaga rentas sempadan, pasaran karbon serta potensi pelaburan

dalam penyepaduan rangkaian tenaga serantau.

Sepanjang sesi petang, para penceramah terus menekankan kepentingan tindakan bersama dalam sektor seperti pengeluaran makanan halal, Kecerdasan Buatan (AI) dan alat digital untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), aliran pelancongan tanpa halangan, serta mobiliti bakat.

Terdapat sokongan kukuh

terhadap agenda Borneo Raya yang mengutamakan penyelarasan dasar dan pelengkap ekonomi berbanding persaingan.

The Roundtable diakhiri dengan kesepakatan bersama untuk menyelaraskan infrastruktur dan dasar, menggalakkan kerjasama awam-swasta dan memposisikan Borneo sebagai penyumbang strategik kepada tema ASEAN-BAC 2025, iaitu 'Unifying Markets for Shared Prosperity'.



MPK KAPOK ADAKAN UPACARA MENAIKKAN BENDERA



SEKITAR Majlis Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kapok.

MUARA, Khamis, 3 Julai. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kapok petang tadi menganjurkan Majlis Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-79 Tahun.

Acara tersebut diadakan di kawasan lapang Rumah Kediaman

Ketua Kampung Kapok, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir sama, Pegawai Penguasa Balai Polis Muara; Ketua Balai Bomba Muara; Guru Besar Sekolah Rendah Kampung Kapok dan para jemputan khas, serta para penduduk kampung, guru-guru dan pelajar Sekolah Rendah Kampung

Kapok.

Majlis tersebut bertujuan untuk sama-sama menyemarakkan lagi suasana Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 bagi Tahun 2025, di samping

Oleh: Marlinawaty Hussin

Foto: Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut dan seterusnya menyempurnakan penyerahan bendera negara untuk Majlis Pengibaran Bendera berkenaan.

menunjukkan rasa kasih kepada raja dan mengukuhkan semangat patriotik dan cintakan negara.

Selain itu, majlis juga antara lain bertujuan untuk memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 dengan meningkatkan penghayatan terhadap kemerdekaan tanah air Negara Brunei Darussalam serta mengukuhkan semangat patriotik

dan cintakan negara.

Acara menaikkan bendera diiringi dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan dimeriahkan lagi dengan kibaran bendera oleh para pelajar sekolah.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Kampung Kapok, Raffi bin Duming.

KEPESATAN TEKNOLOGI DIGITAL PEMACU TRANSFORMASI, EKONOMI NEGARA



BERAKAS, Rabu, 2 Julai. - Peranan besar sektor Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 adalah dengan penglibatan sektor ini dalam mencapai pembangunan negara, kepelbagaian ekonomi dan penjana pekerjaan yang bermanfaat.

Melalui Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) kali ini, adalah menjadi harapan agar ia dapat mengukuhkan peranan sektor GLC dan swasta dalam membangun negara melalui maklumat - maklumat yang disampaikan sepanjang program ini.

Perkara tersebut dikongsikan

oleh Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim pada Majlis Pembukaan PMB bagi GLC dan Sektor Swasta (Infokomunikasi dan Teknologi) Negara Brunei Darussalam (NBD) bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, hari ini.

Menyentuh mengenai peranan aktif dalam agenda pembangunan negara ini, Dayang Mufidah seterusnya menjelaskan, apa yang penting juga adalah dengan menyedari dan menanai kesedaran terhadap identiti dan nilai-nilai murni masyarakat NBD terutama dalam menghormati identiti negara dan istiadat kebesaran negara. Di samping itu juga melihat kepada aspek aspek penekanan terhadap pembangunan yang

bertanggungjawab dan mampan (*sustainable*).

"Teknologi digital seperti Kecerdasan Buatan (AI) juga telah menjadi trend dalam penggunaan teknologi digital terkini. Kepesatan teknologi digital ini adalah diharapkan dapat membangun landskap transformasi digital dan pembangunan ekonomi negara dengan masyarakat yang lebih inovatif dan kreatif," kata Dayang Mufidah.

PMB, terangnya lagi, merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan dalam menyampaikan maklumat rasmi dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan agar masyarakat terutamanya para belia dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Program selama dua hari ini, ujanjarnya, merupakan inisiatif Jabatan Penerangan menerusi Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik Ke arah memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035, selain memberikan peluang kepada masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan dengan lebih lanjut mengenai usaha-usaha pihak kerajaan dan agensi-agensi berkenaan dalam sama-sama membangun NBD.

Program disertai oleh seramai 65 peserta, yang terdiri daripada GLC dan sektor swasta di NBD.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Saadiatul Nur

Oleh : Aimi Sani

Foto : Azmah Haji Ahad



KETUA Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan semasa menyampaikan ucapannya.

Aqilah binti Haji Jaman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Dayang Mufidah.


PMB kali ini, memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu peranan masyarakat dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 dan pembangunan yang mampan, menghargai nilai-nilai adat istiadat dan pengukuhan kesedaran mengenai keselamatan digital.

Selaras dengan tujuan program iaitu untuk menyuntik semangat dan menginspirasi anggota masyarakat dalam usaha-usaha meningkatkan taraf hidup, pengetahuan serta pendedahan kepada aktiviti-aktiviti peningkatan kapasiti dan pengetahuan, program ini telah disusun atur dengan beberapa sesi taklimat dan lawatan ke agensi-agensi yang terpilih.



SUASANA Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan (atas dan kiri).

8 PELAJAR HADIRI SINGAPORE YOUTH FESTIVAL 2025 CELEBRATIONS



PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada delegasi yang akan menghadiri Singapore Youth Festival (SYF) 2025 Celebrations.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Khamis, 3 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK) hari ini telah menyelaras penyertaan seramai lapan pelajar

bersama seorang pegawai *focal* dan seorang pembimbing bagi menghadiri Singapore Youth Festival (SYF) 2025 Celebrations. Festival yang dianjurkan

oleh Kementerian Pendidikan, Singapura ini akan berlangsung pada 5 Julai 2025.

Hadir di Ruang Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Julaihi bin Mohamad / Mohamat.

Para pelajar yang terlibat merupakan pelajar dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong yang mendapat tempat naib johan dalam Pertandingan Tarian Brunei Asli antara Sekolah-sekolah Menengah Tahun 2024.

SYF 2025 Celebrations merupakan sebuah pesta seni tahunan yang diraikan bagi

mengetengahkan pelbagai bakat seni dalam kalangan belia serantau.

Acara yang berlangsung di SCAPE Ground Theatre, Singapura ini akan menampilkan penyertaan Negara Brunei Darussalam melalui Persembahan Medley Tarian Brunei Asli, iaitu Jipin Laila Sembah dan Joget Baju Putih.

WARGAMAS raikan Sambutan Ilal Hijrah



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 Hijrah / 2025 Masihi di Ibu Pejabat Pertubuhan WARGAMAS, Jalan Berakas.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Julai. - Seramai lebih kurang 50 warga emas pagi tadi menghadiri Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 Hijrah / 2025 Masihi anjuran Pertubuhan WARGAMAS yang berlangsung di Ibu Pejabat Pertubuhan WARGAMAS, Jalan Berakas.

Hadir ialah Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan ucapan Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don selaku Pengerusi Majlis.

Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS dalam ucapannya menjelaskan nilai hijrah untuk Pertubuhan WARGAMAS telah dibuat dengan mewujudkan kolaborasi keagamaan bersama KHEU yang bertujuan untuk memantapkan hijrah warga emas dari kurang ilmu keagamaan kepada mempunyai ilmu agama yang berteraskan aqidah yang lebih mantap.

Beliau kemudiannya menyeru kepada ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS untuk sama-sama berhijrah dengan terus memupuk semangat perpaduan dan kerjasama yang baik, mulia, dan indah demi menjaga imej dan menaikkan taraf Pertubuhan WARGAMAS.

Acara diteruskan dengan Ceramah Khas sempena Sambutan Ilal Hijrah 1447 dari Pegawai PDI, Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang, dan diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada keluarga Allahyarham Insp. Pengiran Mohd. Ali Hassan bin Pengiran Razali oleh Pengarah PDI.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis tahunan berkenaan antara lain bertujuan untuk menginsafi makna perjuangan dan perubahan yang dilakar oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sejarah Islam.



PEMEDULIAN PERKHIDMATAN AWAM

Kaji Selidik Kepuasan Hati Pelanggan
dilaksanakan bagi menilai kualiti penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan secara dalam talian



PEMEDULIAN
KAJI SELIDIK KEPUASAN HATI PELANGGAN

Customer Satisfaction Survey

Kaji selidik ini mengandungi 8 soalan pendek
This survey consists of 8 short questions

Sila gunakan skala penilaian berikut bagi soalan 04 - 08
Please use the rating scale below for questions 04 - 08

Sangat Berpuas Hati *Very Satisfied*

Berpuas Hati *Satisfied*

Sederhana *Average*

Tidak Berpuas Hati *Dissatisfied*

Sangat Tidak Berpuas Hati *Very Dissatisfied*

[Take survey](#)



Sila imbas kod QR
dan pilih agensi yang ingin dinilai

Untuk maklumat lanjut:


www.msd.gov.bn


[msdbrunei](https://www.instagram.com/msdbrunei)



DITERBITKAN OLEH: JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN, JABATAN PERDANA MENTERI, BRUNEI DARUSSALAM

Version 1.0
05 Julai 2025

PUSAT PENYELIDIKAN BOTANI UBD TERIMA LAWATAN DELEGASI SEAMEC53



SUASANA lawatan yang telah diadakan di Pusat Penyelidikan Botani Universiti Brunei Darussalam, antara yang menyertai termasuk wakil dari Kementerian Pendidikan negara anggota ASEAN (kiri dan bawah kiri).

beberapa sarang lebah yang ditempatkan di dalam taman.

UBD BRC dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 3 Februari 2018.

Perasmian bertepatan dengan Simposium Antarabangsa Pertama bertajuk 'Ethnobotany in the Quran and Hadith - An Exploration'.

Terletak di dalam kawasan semula jadi 'Kerangas' - juga dikenali sebagai heath forest - pusat ini merangkumi enam hektar di kampus UBD dan menempatkan lebih daripada 500 spesies tumbuhan tropika, kebanyakannya berasal dari NBD dan Borneo.

UBD BRC berfungsi sebagai kemudahan penyelidikan di bawah pengurusan IBER, dengan tumpuan utama pada pemuliharaan flora asli.

Untuk maklumat lanjut tentang Pusat Penyelidikan Botani UBD dan Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar, sila lawati <https://brc.iber.ubd.edu.bn> dan <https://iber.ubd.edu.bn>.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU, Khamis, 3 Julai. - Seramai 52 delegasi yang menghadiri Persidangan Majlis Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEC53) Ke-53 melawat Pusat Penyelidikan Botani (BRC) Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Delegasi termasuk wakil dari Kementerian Pendidikan negara anggota ASEAN, serta pegawai yang kini berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk persidangan tersebut, yang diadakan bermula dari 1 hingga 3 Julai 2025.

Delegasi dihoskan oleh UBD, dan lawatan BRC diketuai oleh, Pengarah Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER), Dr. Hussein bin Haji Taha.

Terbahagi kepada kumpulan kecil, para perwakilan memulakan lawatan berpandu ke pelbagai zon dalam BRC, termasuk Zon Tumbuhan Peringatan, Zon Tumbuhan Ubat dan rumah hijau.

Sebagai sebahagian daripada lawatan itu, para perwakilan dibawa ke Zon Lebah Tanpa Sengat, di mana mereka mengambil sampel madu yang dihasilkan oleh



Tingkatkan kemahiran pelajar dalam bahasa Arab



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

BANGAR, Khamis, 3 Julai. - Bagi memupuk minat serta meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar, Sekolah Arab Temburong pagi tadi menganjurkan Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) dengan tema 'Pekerjaanku Hari Ini, Masa Depanmu Akan Datang'.

Bagi mencapai objektif program tersebut, pihak sekolah telah mengadakan Pertandingan Menyampaikan Berita dalam bahasa Arab yang dibuka kepada para pelajar dan guru.

Melalui pertandingan ini, dihasratkan agar para pelajar lebih berani berkomunikasi dalam bahasa Arab di samping

menghargai keindahan dan kepentingannya dalam memperkukuhkan agama serta membudayakan penggunaannya di sekolah.

Hadir selaku tetamu khas majlis bagi acara tersebut ialah Ketua Bahagian Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Hady bin Bukhari.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Sayyidul Istighfar dan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Guru Besar Sekolah Arab Temburong, Dayang Seri Kartini binti Haji Omar, selaku Pengerusi Majlis.

Acara diteruskan dengan

tayangan video pertandingan, disusuli perasmian Program Hayya Ilal 'Arabiyyah dan lawatan ke reruai (ruang) aktiviti.

Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang oleh tetamu khas majlis.

Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pengajian Islam yang dikendalikan oleh sekolah-sekolah Arab bertujuan mengukuhkan penguasaan bahasa Arab serta memupuk semangat daya saing yang sihat dalam kalangan pelajar.

TETAMU khas semasa menyaksikan aktiviti pada acara tersebut (kanan).



KETUA Bahagian Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Hady bin Bukhari hadir selaku tetamu khas dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (kiri dan atas).



12 PELAJAR SR SULTAN HASHIM BERLEPAS KE SINGAPURA



SESI bergambar ramai bersama Lawatan Delegasi Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, Temburong sebelum berlepas ke Rivervale Primary School, Republik Singapura (atas). Manakala gambar atas kanan, Ketua Unit Kebajikan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan semasa hadir mengucapkan selamat belayar kepada delegasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

BERAKAS, Rabu, 2 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) telah menyelaras Lawatan Delegasi Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, Temburong yang terdiri daripada 12 pelajar Tahun 4, 5 dan 6 serta tiga guru sekolah berkenaan ke Rivervale Primary School, Republik Singapura.

Lawatan selama lima hari

bermula pada 2 hingga 6 Julai 2025 tersebut merupakan sebahagian daripada Program Sekolah Berkembar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belayar kepada delegasi ialah Ketua Unit Kebajikan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, JSS, Kementerian

Pendidikan, Dayang Hajah Salwati binti Haji Mohd. Sulaiman.

Program ini bertujuan untuk mempererat hubungan kerjasama antara sekolah-sekolah dari kedua-dua negara menerusi pertukaran amalan terbaik dalam bidang akademik, pedagogi serta pembangunan pelajar secara menyeluruh.

Aktiviti yang telah disusun

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



merangkumi sesi pembelajaran bersama di bilik darjah, program penyesuaian suasana persekolahan, inisiatif kepimpinan pelajar, lawatan pembelajaran yang berkaitan dengan kelestarian di sekitar Singapura serta penglibatan dalam aktiviti kebudayaan setempat.

Lawatan ini diharap dapat memberikan pendedahan yang bermakna kepada para pelajar mengenai sistem pendidikan di peringkat antarabangsa serta

menguatkan semangat persahabatan, keharmonian dan nilai-nilai sejagat merentasi sempadan negara.

Delegasi turut diberi peluang untuk mengetengahkan kebudayaan NBD melalui persembahan serta sesi interaktif bersama pelajar-pelajar di Singapura. Turut hadir di LTAB, pegawai-pegawai dari JSS, Kementerian Pendidikan serta ibu bapa dan ahli keluarga para pelajar.

Memperkukuh kefahaman, penghayatan Islam dalam kalangan mualaf

■ Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Rabu, 2 Julai. - Dalam usaha memperkasa kebajikan dan pemahaman agama para mualaf di negara ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) terus beriltizam menyediakan pelbagai

program bimbingan yang bersifat menyeluruh dan berperingkat.

Antaranya termasuk Bimbingan Pengenalan Islam, Skim Bimbingan Asas dalam Bahasa Melayu dan Inggeris serta Skim Bimbingan Lanjutan I dan Skim

Bimbingan Lanjutan II.

Selain itu, Kelas Bimbingan Muallaf turut dijalankan setiap minggu di keempat-empat buah daerah, sebagai platform sokongan yang berterusan dalam memperkukuh kefahaman dan penghayatan ajaran Islam dalam kalangan mualaf.

Sehubungan dengan itu, PDI melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dan Unit Da'wah Daerah-daerah mengadakan Skim Bimbingan Lanjutan 1 Muallaf Siri Ke-109 bagi lelaki dan Skim Bimbingan Lanjutan 1 Muallaf Siri Ke-110 bagi perempuan secara serentak di keempat-empat buah daerah selama 14 hari bermula 23 Jun hingga 10 Julai 2025, kecuali Ahad.

Seramai 164 orang mengikuti skim tersebut, iaitu 48 orang dari Daerah Brunei dan Muara (DBM), 47 orang dari Daerah Tutong, 45 orang dari Daerah Belait dan 24 orang dari Daerah Temburong.

Di DBM, skim bimbingan berkenaan berlangsung di Bangunan Darul Huda, PDI, Berakas, di sini.

Pengisian dalam Skim Bimbingan Lanjutan 1 Muallaf memberi pendedahan kepada ilmu



SEKITAR Skim Bimbingan Lanjutan 1 Muallaf Siri Ke-109 bagi lelaki.

asas Fardu Ain dan Fardu Kifayah, iaitu Iqra, amali, Tauhid, Fiqh Shalat mengenai sembahyang-sembahyang sunat, Fiqh Munakahat, Fiqh Haji, sejarah Islam, Tasawwuf, teori dan praktikal pengurusan serta penyempurnaan jenazah, sesi kongsi sama mengenai isu permasalahan rumah

tangga dan teknik penyembelihan ternakan.

Skim tersebut diadakan untuk memberi bimbingan kepada mualaf dalam menghalusi dan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan agama Islam terutama dalam bidang akidah, ibadah dan akhlak.



ANTARA yang hadir menyertai Skim Bimbingan Lanjutan 1 Muallaf Siri Ke-110 bagi perempuan yang berlangsung di Bangunan Darul Huda, PDI, Berakas.



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Hari itu akibat kecuiaan pemandu lain, kehidupannya berubah untuk selamanya.

Perempuan, had fizikal berusia 28 tahun



**Keselamatan Jalan Raya
bergantung kepada Awda dan Saya**

 mkkjrbrunei
  www.mkkjr.gov.bn



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

UNISSA / SB0033 / 2025 / 2026
Perkhidmatan Penyediaan
Dan Penyajian Jamuan
Bagi Majlis Khatam Al-Quran
Dan Doa Kesyukuran
Sempena Hafl Al-Takharruj Ke-15
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

UNISSA / SB0034 / 2025 / 2026
Perkhidmatan Penyediaan
Dan Penyajian Jamuan
Bagi Majlis Mahrajan
Hafl Al-Takharruj Ke-15
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

UNISSA / SB0035 / 2025 / 2026
Perkhidmatan Penyediaan
Dan Penyajian Jamuan Bagi
Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-15
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
16 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01 – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 021 / 2025

Nama Projek:
Pembekalan Dan Pemasangan
Pam-Pam Pembetungan
(Wet-Well And Dry-Well)
Di Stesen Pam Daerah Belait –
Kumpulan B

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-003-007

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
8 Julai 2025.

UNISSA / SB0036 / 2025 / 2026
Mencetak Dan Membekal
Dua Belas (12) Buah Buku-Buku
Terbitan Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Press Jun 2025

UNISSA / SB0037 / 2025 / 2026
Membekal Dan Menghantar
Buku-Buku Rujukan
Bagi Fakulti Ekonomi
Dan Kewangan Islam,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) 2025

UNISSA / SB0038 / 2025 / 2026
Membekal Dan Menghantar
Buku-Buku Rujukan Bagi
Pusat Penataran Ilmu
Dan Bahasa, Universiti
Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
2025

UNISSA / SB0039 / 2025 / 2026
Supply, Delivery, Installation,
Testing and Warranty
of LED TV And Its Related
Work Services for Classroom
L1.3 At Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Gadong Campus

UNISSA / SB0040 / 2025 / 2026
Supply, Delivery and
Installation of Cabling
and Its Related Work Services
for Existing LED TV in
22 Classrooms at Universiti
Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Gadong Campus

UNISSA / SB0041 / 2025 / 2026
To Supply, Deliver and Install
RFID Card Printer for
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

UNISSA / SB0042 / 2025 / 2026
Supply, Delivery and
Installation of Laboratory
Device for Ibnu Sina
Scientific Laboratory Centre
(ISSLC) Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
16 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



Tarikh Tutup:
Selasa, 22 Julai 2025
(Tidak lewat 2.00 Petang)



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**

The Provision Of Six (6)
Months Airport Networking
System Maintenance
And Support Services Contract
For Terminal Building At Brunei
International Airport
TERMINAL / 2025-2026 / SH-06

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
2 Julai 2025, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
14 Julai 2025, Isnin.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
16 Julai 2025, Rabu
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi

Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran:
(69) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Buku
“Haluan: Ucapan Menteri-Menteri
Kabinet Dan Timbalan-Timbalan
Menteri 2024”

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
17 Julai 2025.
Jam 8.00 Pagi.



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
08 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Supply And
Deliver Of Dehumidifiers At
Royal Regalia Museum

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
24 Julai 2025
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
JDBM / T / 04 / 2025

Tawaran Membekalkan Kayu
Bagi Kerja-Kerja Membaikpulih
Kerosakan Jambatan-Jambatan
Utama Kampung Batu Marang,
Kampung Pandai Besi,
Kampung Pekan Lama,
Kampung Sungai Pandan Dan
Kampung Sungai Matan,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tajuk Tawaran:
General Overhaul Mitsubishi
Pajero BG 7990
JBP / TSH / 13 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Repair For 2 Units 150HP Mercury
Sea Pro Outboard Engine
JBP / TSH / 14 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Repair Brake System And
Suspension System For
Mercedes ATEGO BG 5125
JBP / TSH / 15 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Repair Air System And
Suspension System For Mercedes
ATEGO BG 5124
JBP / TSH / 16 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Repair Brake And Air System For
Mercedes Atego BG 4295
JBP / TSH / 17 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Repair Of Volvo FL.7 BG 3658
JBP / TSH / 18 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Pemakanan Basah
Bagi Keanggotaan
Jabatan Bomba Dan Penyelamat
JBP / TSH / 19 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Pemakanan Bagi Kursus /
Latihan / Bengkel / Taklimat
JBP / TSH / 20 / 2025-2026

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
24 Julai 2025.
1.50 Petang.

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



Bagi Tempoh 1 Tahun

Tarikh Tutup:
14 Julai 2025, Isnin.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran :
06 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Tawaran Khidmat Pengawal
Keselamatan Seramai 4 Orang
(2 Orang Per Syif) Selama 24 Jam
Sehari Untuk Menjaga Bangunan
Baru Bekas TELBRU, Jalan
Lapangan Terbang Lama, Berakas



Bilangan Tawaran:
(40) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Five (5) Years Term Contract for Provision of Food and Beverage (F&B) Vending Machine at Stadium Negara Hassanal Bolkiah Complex

Bilangan Tawaran:
(42) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Membekalkan Toner HP Laserjet Printer bagi Bahagian Latihan dan Pusat Sumber, Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan dan Stok Simpanan Pusat Stor

Bilangan Tawaran:
(43) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Supply and Delivery New Diesel Tractor c/w Rotaslasher and Canopy at Kompleks Sukan Jerudong

Bilangan Tawaran:
(44) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Twelve (12) Months Term Contract for General Pest Control Services at Hassanal Bolkiah National Stadium, Berakas

Bilangan Tawaran:
(45) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
To Propose, Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Maintenance and Warranty of Close Circuit Television (CCTV) System at Indoor Stadium, Hassanal Bolkiah National Sports Complex

Bilangan Tawaran:
(46) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Menyediakan dan Membekal Baju T dan Jeri Riadah Berbasikal Keputeraan 2025

Bilangan Tawaran:
(47) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Pengurusan dan Pengendalian Kios "Santai de Indoor" Tapak Kereta dan Acara Sepanjang Tahun Kawasan Stadium Tertutup, KSNHB

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
10 Julai 2025.



Jemputan Untuk Menyertai Request For Information (RFI)

Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri berhasrat untuk memacu usaha tenaga mampan melalui pelaksanaan tenaga yang boleh diperbaharui dalam mempelbagaikan campuran tenaga Negara.

Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (DOEPMO) ingin menjemput syarikat yang layak untuk mengemukakan maklumat mengenai **pelaksanaan sistem fotovoltaik solar di atas bumbung bangunan serta garaj kereta yang bersambung ke grid bagi bangunan-bangunan kerajaan di Negara Brunei Darussalam.**

Maklumat lanjut mengenai Skop Tawaran, Kriteria Kelayakan dan Keperluan bolehlah diperolehi melalui laman sesawang rasmi Jabatan Tenaga iaitu: <https://www.energy.gov.bn>

Tarikh tutup tawaran adalah pada **Selasa, 29 Julai 2025, 2.00 Petang.**

Tatacara Pendaftaran

Syarikat yang berminat hendaklah mendaftar dengan menghantar e-mel kepada Unit Tenaga Yang Boleh Diperbaharui di bawah Bahagian Peralihan Tenaga, Jabatan Tenaga iaitu renewable.energy@energy.gov.bn dengan tajuk e-mel:

Grid-Connected Solar Photovoltaics System At Rooftop And Associated Carports Of Government Buildings In Brunei Darussalam

Syarikat yang berminat adalah disarankan untuk merujuk kepada syarat-syarat RFI yang terdapat di laman sesawang rasmi Jabatan sebelum membuat pendaftaran.



Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran:

JPA / 1.4 / HPA / Ke-32 / 2025
Pembuatan Dan Pembekalan Plak Sijil Bagi Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-32, Tahun 2025

Bayaran Tawaran:
Percuma

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
23 Julai 2025,
Jam 2.00 Petang.



JUA 06 / 2024
Consultancy For The Enhancement Of Hydrographic Services And Development Of Marine Spatial Data Infrastructure

Yuran Tawaran:
BND50.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
22 Julai 2025.



Kelas & Kategori:
I, S02

Bilangan:
SPA / BPK / SBH / 02 / 2025

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin,
2 Julai 2025.

Tarikh Akhir mengambil Dokumen tawaran:
Sabtu,
12 Julai 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Sabtu,
17 Julai 2025.

Yuran Tawaran:
BND5.00 tunai
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUPAPHSB / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Bagi Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Berakas Kawasan Brunei IIA Bagi Tempoh 24 Bulan.

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

KHEU / JPI / JKS / PPPB / SASHHB, RIMBA / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Bagi Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba Bagi Tempoh 12 Bulan.

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Rabu,
13 Muharam 1447H / 9 Julai 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
JBBSB / LTK / 2025-2026 / 01 / BP

Keterangan Tawaran:
Two (2) Years Tender For Janitorial Services, Pest Control, Grass Cutting And Landscaping For Bangunan Pasar Gadong And Its Surrounding Areas [1 August 2025 Until 31 July 2027]

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 Julai 2025,
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
1 / BBS / SDSFJBKBS / 2025-2026

Keterangan Projek:
Supply and Delivery of Rubber Stamp for Pejabat PLB, Bahagian Korporat dan Bahagian Pengangkutan dan Logistik, Jabatan Bandar Kuala Belait dan Seria

Bilangan Tawaran:
2 / BBS / SDSFJBKBS / 2025-2026

Keterangan Projek:
Supply and Delivery of Office Equipment Jabatan Bandar Kuala Belait Dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 Julai 2025,
Jam 2.00 Petang.



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Lengkapkan Profil PSQR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Salinan / fotokopi dan pengesahan Pajita Kabangsaan Pengkiran Kelulusan (PSQR) yang berkuatkuasa)
4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (Surat / pengesahan / Pengerahan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersetujui dalam skem iklan)

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

Bagi Talian WhatsApp: [0673 7371961](https://www.whatsapp.com/channel/00291637371961)

Bagi media sosial: [psc.bn](https://www.facebook.com/psc.bn)

Bagi Talian: query@spa.gov.bn

Bagi Talian: [psc.bn](https://www.facebook.com/psc.bn)



**Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
06 / 2025 / KKBS / PPB / 05

Tajuk Tawaran :
Kontrak Penggal Dua Puluh Empat (24) Bulan Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Landskap Di Kawasan Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 Julai 2025.



**Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
06 / 2025 / KKBS / PPB / 04

Tajuk Tawaran:
Kontrak Penggal Dua Puluh Empat (24) Bulan Kerja-Kerja Pembersihan Bangunan Dan Kawasan Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 Julai 2025.



Bilangan Sebut Harga:
11 / JUN / 2025 / KKBS / PJK / 16.22

Tajuk Sebut Harga:
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For 1) Pusat Pembangunan Belia; & 2) Outward Bound Brunei Darussalam Main Office

Tarikh Tutup:
Khamis, 10 Julai 2025.



Bilangan Tawaran:
4 / BBS / SDSFJBKBS / 2025 - 2026

Keterangan Projek:
Supply And Delivery Of Ink Cartridges Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa, 15 Julai 2025.



Keterangan Projek:
Supply, Delivery And Install Of Smart TV And Accessories For Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan Mckerron, Kuala Belait.

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Bilangan Tawaran:
07 / BBS / SH / 2025-2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



1. Nama Dokumen Sebut Harga:
Penenderan Jamuan Makanan Dan Minuman Bagi Majlis-Majlis, Aktiviti Dan Kursus Selama Dua (2) Tahun, Bagi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Di Daerah Brunei dan Muara

Bilangan Sebut Harga:
09 / DBP / SH / 2025 - 2026

2. Nama Dokumen Sebut Harga:
Penenderan Jamuan Makanan Dan Minuman Bagi Majlis-Majlis, Aktiviti Dan Kursus Selama Dua (2) Tahun, Bagi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Di Daerah Tutong

Bilangan Sebut Harga:
10 / DBP / SH / 2025 - 2026

3. Nama Dokumen Sebut Harga:
Penenderan Jamuan Makanan Dan Minuman Bagi Majlis-Majlis,



Aktiviti Dan Kursus Selama Dua (2) Tahun, Bagi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Di Daerah Temburong

Bilangan Sebut Harga:
11 / DBP / SH / 2025 - 2026

4. Nama Dokumen Sebut Harga:

Penenderan Jamuan Makanan Dan Minuman Bagi Majlis-Majlis, Aktiviti Dan Kursus Selama Dua (2) Tahun, Bagi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Di Daerah Belait

Bilangan Sebut Harga:
12 / DBP / SH / 2025 - 2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Rabu, 16 Julai 2025.



Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 09 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Repair Works To Pejabat Bengkel Dan Kenderaan Jabatan Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin, 7 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.



**Rujukan
Bilangan Tawaran:**
01 / STOR / 2025 – 2026

Tajuk Tawaran :
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Cartridge Dan Toner Printer di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Satu (01) Tahun.

Tarikh Tutup:
Rabu,
9 Julai 2025.

Dan ditujukan kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Tingkat Bawah, Peti Sebut Harga Jalan Menteri Besar BB3910 Negara Brunei Darussalam



Tajuk Tawaran :
Technical Maintenance Of Protection Relays For 66KV Networks Statewide Over A Period Of Three Years

Bil. Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 001 / 2025

Tarikh Tutup:
22 Julai 2025.
2.00 Petang.

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam



Replacement Of Electrical Lighting And Accessories At Airport Fire Service Station, Brunei International Airport

Bilangan Tawaran:
DCA / AFS / 2025-2026 / SH-04

Tarikh Tutup:
Rabu,
9 Julai 2025.

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Bahagian Kewangan, Bangunan Ibu Pejabat, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam





Sila imbas untuk
khutbah lengkap

MENJAGA HAK JIRAN TETANGGA


 جہان: حال امور مسجد
 JABATAN HAL EHWAL MASJID,
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 08 Muharram 1447H / 04 Julai 2025M



**ISLAM
MENGANJURKAN
MENJAGA HUBUNGAN
PERSAUDARAAN**

Berbuat baik sesama
jiran tanpa mengira
agama, bangsa atau
pangkat



**JAGA ADAB
SESAMA
JIRAN**

- Bertolak ansur & hormat sesama jiran.
- Kawal haiwan peliharaan dengan baik.
- Jangan berbuat bising, terutama waktu malam.

**KEPENTINGAN
HUBUNGAN JIRAN**

Jiran saling
membantu
dalam
kehidupan
harian



Wujudkan
masyarakat
bersatu &
harmoni



TOLONG - MENOLONG SESAMA JIRAN

Hulurkan bantuan
dari segi
kewangan, tenaga
& sokongan



**LARANGAN
MENYAKITI JIRAN**

Jaga tutur
kata dan
tingkah laku



Jaga
kebersihan
kawasan
kejiranan



**PESANAN IMAM AL-GHAZALI
(IHYA ULUMUDDIN)**



Beri salam &
ziarah ketika
sakit/duka



Maafkan
kesilapan &
membantu
ketika susah



Jangan buka
aib jiran atau
menyebarkan
fitnah



Bersikap baik
terhadap
anak-anak
jiran



ANTARA keluarga yang menghadiri acara Coffee and Bakes Weekend di Wonderpark Colonnade Taman Permainan Jerudong.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Jumaat, 4 Julai. - anjuran Taman Permainan Coffee and Bakes Weekend Jerudong (JP) bermula hari ini

dengan menampilkan seramai 16 vendor terdiri daripada penjual minuman kopi dan matcha serta pembuat kek dan cookies yang tidak asing lagi di negara ini.

BERSANTAI BERSAMA KELUARGA DI COFFEE AND BAKES WEEKEND

Acara yang berlangsung di Wonderpark Colonnade itu diadakan selama tiga hari sehingga Ahad, 6 Julai 2025 bermula dari 2.00 petang hingga 10.00 malam.

Para vendor kebanyakannya terdiri daripada pada usahawan muda tempatan seperti Dahaga; Erti Kopi, Matchi; Pisuk; Mista Burger; Ruti Bang!; Crumble; dan banyak lagi.

Orang ramai yang ingin menikmati suasana santai pada hujung minggu ini bolehlah berkunjung bersama keluarga.

Persembahan pentas secara langsung turut memeriahkan

suasana dengan menampilkan artis tempatan seperti penyanyi akustik dan kumpulan *busking*.

Acara tersebut bukan sahaja bertujuan untuk memberi ruang kepada pengusaha makanan dan minuman tempatan mengetengahkan produk mereka, malah menjadi platform untuk menggalakkan keusahawanan kreatif serta memupuk sokongan terhadap produk buatan tempatan.

Orang ramai dialu-alukan hadir untuk menikmati suasana santai dan menyokong vendor tempatan sambil menjadikan hujung minggu ini lebih manis dan bermakna.

**Pengemaskinian
Dasar Caj
Perkhidmatan
Kesihatan**

Bermula
1 Julai 2025

Pengecualian bil rawatan bagi pemegang Kad Pengenalan Hijau dan Kad Pengenalan Ungu (Warganegara Asing) yang sebelum ini bergantung kepada pasangan pemegang Kad Pengenalan Kuning atau Kad Pengenalan Ungu (Stateless) telah dimansuhkan. Bermula 1 Julai 2025, pengecualian bil rawatan hanya diberikan secara individu kepada pemegang Kad Pengenalan Kuning dan Kad Pengenalan Ungu (Stateless) sahaja.

Pengemaskinian skim pembayaran Kementerian Kesihatan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Julai. - Kementerian Kesihatan memaklumkan berkuatkuasa pada 1 Julai 2025 bersamaan 5 Muharam 1447 Hijrah, Skim Pembayaran

Kementerian Kesihatan telah dikemaskinian.

Maklumat mengenai pengemaskinian skim pembayaran seperti yang tertera di dalam gambar rajah.

Pemegang
Kad Pengenalan
KUNING

- Caj pendaftaran **BND 1**
- DIKECUALIKAN** daripada sebarang caj perkhidmatan kesihatan (termasuk rujukan ke PJSC, BNSRC, TBCC dan GJPMC)

Pemegang
Kad Pengenalan
UNGU (Stateless)

- Caj pendaftaran **BND 1**
- DIKECUALIKAN** daripada sebarang caj perkhidmatan kesihatan (termasuk rujukan ke PJSC, BNSRC, TBCC dan GJPMC)

SILA SERTAKAN PASPOT UNTUK PENGESAHAN

Pemegang
Kad Pengenalan
UNGU (Warga Negara Asing)

- Caj pendaftaran **BND 3**
- DIKENAKAN** caj penuh bagi perkhidmatan kesihatan (termasuk rujukan ke PJSC, BNSRC, TBCC dan GJPMC)

SILA SERTAKAN PASPOT UNTUK PENGESAHAN

Pemegang
Kad Pengenalan
HIJAU

- Caj pendaftaran **BND 5**
- DIKENAKAN** caj penuh bagi perkhidmatan kesihatan (termasuk rujukan ke PJSC, BNSRC, TBCC dan GJPMC)

**Bersama Ke Arah
Warga Sihat**
Together Towards a Healthy Nation

PPPBD anjur Upacara Menaikkan Bendera



SESI bergambar ramai pada Upacara Menaikkan Bendera sempena menyemarakkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun di Ibu Pejabat Persekutuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD).

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pandu Puteri Brunei Darussalam

ANGGEREK DESA, Rabu, 2 Julai. - Persekutuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) mengadakan Upacara Menaikkan Bendera sempena menyemarakkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun di Ibu Pejabat PPPBD, kelmarin.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut yang diadakan di Ibu Pejabat PPPBD, Anggerak Desa ialah Ketua PPPBD, Dayang Norazrina binti

Haji Sarbini.

Seramai 20 ahli persatuan dilibatkan dalam upacara tersebut terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir, Pemimpin Dewasa dan Pemimpin Muda.

Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah merupakan salah satu dari upacara tahunan yang melibatkan penyertaan PPPBD sekali gus bersama-sama menyemarakkan lagi sambutan berkenaan pada tahun ini.

KETENGAHKAN KREATIVITI, IDEA INOVATIF DALAM MENCIPTA PENYELESAIAN BAHARU

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar

BERAKAS, Rabu, 2 Julai. - Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 memberi peluang kepada para peserta untuk mengetengahkan bakat, kreativiti dan idea inovatif mereka dalam mencipta penyelesaian baharu yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat khususnya dalam bidang inovasi hijau.

Penerima Anugerah Khas Duli Pengiran Muda Mahkota CIPTA 2025, Dr. Law Kah Haw memperkenalkan hasil penyelidikannya yang dinamakan sebagai *filter-less single-source multilevel inverter* yang sesuai bagi penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan perindustrian.

"Sistem ini merupakan generasi baharu dalam teknologi *inverter* dan ia membolehkan penukaran sumber kuasa DC kepada sumber AC yang boleh digunakan," katanya kepada Pelita Brunei semasa ditemui pada Majlis Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini.

Menurutnya lagi, usaha berkenaan telah pun dijalankannya

selepas beliau menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Falsafah Kedoktoran (PhD).

"Saya telah berada dalam bidang (elektrik dan elektronik) ini selama 10 tahun. Sudah tentu, setiap kali kami melaksanakan tugas, kami akan menemui ruang untuk diperbaiki yang akhirnya membawa kepada penciptaan produk ini," katanya.

Selain itu, projek beliau bertajuk 'Novel Filter-Less Single-Source Extendable Switched-Capacitor Boost Multilevel Inverter Suitable for Renewable and Industrial Applications' juga telah diumumkan sebagai pemenang tempat pertama Local Category Two, iaitu pengubahsuaian produk, proses atau teknologi yang sedia ada dan Special Award for Sustainable Energy for Local Category Two.

"Saya sangat gembira menerima anugerah ini. Pengalaman menyertai Anugerah CIPTA amat bermakna kerana ia memberi peluang untuk mempamerkan hasil kerja kami, yang sangat bermanfaat bagi saya sebagai penyelidik dan juga pelajar saya.

"Sudah tentu, pengetahuan yang kami miliki sekarang akan disampaikan kepada generasi muda, dan diharap mereka akan berminat untuk meneruskan usaha ini pada masa hadapan," jelasnya lagi.

Sementara itu, Dr. Li Ziyang dari School of Civil and Environmental Engineering, Nanyang Technological University, Republik Singapura pula berkata, projek yang mereka pameran memfokuskan kepada usaha menghubungkan penyelidikan saintifik dengan keperluan industri.

Projek 'Development of Sustainable Marine Clay One-Part Geopolymer with Thermodynamic Modeling Optimization' yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidikannya menerima tempat pertama ASEAN Category - New Invention and Innovation Category.

"Kami sedang membangunkan sejenis bahan berasaskan simen yang mampan dan berpotensi menggantikan simen konvensional sepenuhnya dalam bidang pembinaan.

"Bahan ini menggunakan tanah liat tempatan, dan selepas melalui proses tertentu, kami dapat mengurangkan pelepasan karbon sebanyak kira-kira 40 peratus.

"Dalam masa yang sama, bahan ini lebih menjimatkan kos berbanding simen biasa dengan potensi penjimatan sehingga 60 peratus," ujarnya.

Manakala, bagi Smart Junior Competition pula, projek 'Wind - An alternative power source for moving vehicles' yang dihasilkan oleh tiga pelajar dari Chung Hua Middle School, Kuala Belait memenangi tempat pertama.

Salah seorang pelajar berkenaan, iaitu Callum Singh

Sekhon menjelaskan produk tersebut direka sejajar dengan tema Anugerah CIPTA 2025, iaitu Inovasi Hijau, dengan matlamat membantu menangani perubahan iklim.

"Ia turut menangani salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh pengguna kenderaan elektrik, iaitu 'range anxiety'.

"*Range anxiety* adalah rasa takut bateri akan habis sebelum sempat tiba ke stesen pengecasan seterusnya.

"Di sinilah produk kami memainkan peranan dan ia bukan bertujuan untuk menggantikan bateri sedia ada, tetapi untuk memanjangkan jangka hayat bateri," katanya.

Sementara, projek yang memenangi tempat kedua 'Skyv-AI (Next Generation Anomalies Detection; Corrosion Detection)' dalam Local Category Two memperkenalkan kaedah pengesanan kakisan secara automatik menggunakan Kecerdasan Buatan (AI).

Pengasas Skyvision BN, iaitu Awang Mohd. Khairul Hazmi bin Haji Munir berkata, idea tersebut bertujuan untuk menangani cabaran utama dalam industri termasuk menjimatkan masa dan mengurangkan risiko.

"Apabila gambar

yang menunjukkan tanda-tanda kakisan dimuat naik ke dalam sistem kami, ia akan secara automatik mengenal pasti kawasan berkarat serta menilai tahap keterukan kakisan tersebut.

"Melalui inisiatif ini, kami berharap dapat membantu mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat dalam industri," katanya.

Berbanding kaedah tradisional pemeriksaan kakisan tambahnya, sistem yang mereka bangunkan dapat menjimatkan masa dengan ketara

"Sebagai contoh, kami boleh memuat naik 50 atau 100 gambar, dan sistem akan secara automatik mengesan kawasan yang berkarat serta memberitahu tahap keterukan kakisan.

"Sistem ini membolehkan pengesanan yang lebih pantas dan selamat," ujarnya lagi.



PENGASAS Skyvision BN (kiri hujung) bersama ahli kumpulan (atas). Manakala gambar bawah, para pelajar mewakili Chung Hua Middle School, Kuala Belait.



DR. Li Ziyang dari School of Civil and Environmental Engineering, Nanyang Technological University, Republik Singapura (kiri). Manakala gambar kanan, Dr. Law Kah Haw semasa ditemu bual.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kepentingan Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 9 Julai 2025
2. 'Membina Identiti, Jati Diri Dalam Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 16 Julai 2025
3. 'Media Sosial: Alat Komunikasi Atau Punca Tekanan'. Tarikh Tutup : 23 Julai 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Memanfaatkan penggunaan AI

Pendahuluan

KECERDASAN Buatan yang sering disingkat sebagai AI, telah meresap pelbagai aspek kehidupan seharian. Kegunaannya dapat dilihat pada kebanyakan peranti elektronik canggih dan juga digunakan untuk perkhidmatan-perkhidmatan dalam talian untuk meningkatkan pengalaman pengguna dengan memperibadikan pengalaman dalam talian pengguna. Selain itu, AI juga dapat memudahkan tugas-tugas harian, justeru itu meningkatkan produktiviti.

AI bermula sebagai konsep pada pertengahan Abad Ke-20 dan setelah beberapa dekad, ianya telah mengalami perkembangan yang amat ketara, dari algoritma asas kepada sistem pembelajaran mesin yang kompleks. Evolusi ini telah menjadikan AI bahagian penting dalam kehidupan harian orang ramai.

Kegunaan AI dalam kehidupan harian

Salah satu cara utama AI meningkatkan aktiviti harian ialah melalui automasi. Automasi ialah penggunaan teknologi - perisian, mesin atau sistem - untuk melaksanakan tugas dengan penglibatan manusia yang minimum. Ianya meningkatkan kecekapan, ketepatan dan konsistensi. Contoh automasi masa kini ialah seperti automasi perindustrian yang dapat dilihat digunakan di kilang-kilang yang menggunakan robot untuk melakukan kerja-kerja seperti pemasangan, mengecat dan sebagainya. Dengan penggunaan

robot, kerja-kerja berat tidak lagi perlu menggunakan tenaga manusia dan dapat disiapkan dalam masa lebih singkat dengan ketepatan yang tinggi. Dalam talian pula, automasi dapat dilihat pada penggunaan *bot* perisian yang boleh digunakan untuk melaksanakan tugas-tugas pejabat seperti kemasukan data, pemprosesan invois atau semakan pematuan dan ralat pematangan antara lain. Penggunaan automasi ini juga dapat dilihat digunakan di rumah seperti pada termostat pintar, lampu, kunci pintu dan kamera keselamatan yang bertindak balas terhadap jadual atau arahan suara, menjimatkan tenaga dan meningkatkan kemudahan.

Automasi telah menyelaraskan banyak tugas manual, membolehkan kita menumpukan perhatian pada tanggungjawab yang lebih penting. Tugas seperti menjadualkan temu janji dan mengurus kerja rumah kini boleh dikendalikan oleh aplikasi berkuasa AI. Sebagai contoh, pembantu yang menggunakan teknologi pengecaman suara boleh membantu pengguna dalam pelbagai aspek, dari membuat peringatan temu janji ke carian umum dalam talian. Ianya membolehkan pengguna mengarahkan peranti tanpa perlu berinteraksi secara fizikal, menjadikan rutin harian lebih cekap.

AI juga memainkan peranan penting dalam penjagaan kesihatan. Teknologi seperti analisis ramalan dan pembelajaran mesin membantu dalam mendiagnosis penyakit dengan lebih tepat dan pantas. Algoritma menganalisis pelbagai titik data untuk mengenal pasti corak yang mungkin menunjukkan masalah kesihatan yang

tersembunyi. Terdapat syarikat teknologi yang sedang membangunkan sistem AI yang mampu menganalisis imej perubatan untuk mengesan penyakit seperti kanser pada peringkat awal. Inovasi seperti ini boleh menyelamatkan nyawa dengan menggalakkan intervensi awal, meningkatkan kualiti penjagaan yang diterima pesakit.

Selain itu, AI meningkatkan pengalaman pembelajaran. Sebagai contoh, teknologi pembelajaran adaptif membolehkan penyesuaian konten pendidikan untuk memenuhi keperluan pelajar berlainan. Dengan menganalisis prestasi pelajar dan kadar pembelajaran, AI boleh memberikan cadangan yang kemudian diperibadikan untuk penambahbaikan. Kaedah ini menggalakkan pembelajaran yang lebih berkesan dengan menampung gaya pembelajaran berlainan.

Dalam konteks kewangan peribadi, AI boleh digunakan untuk memudahkan pengurusan belanjawan dan kewangan. Terdapat aplikasi-aplikasi khas yang memanfaatkan AI untuk menjejak tabiat perbelanjaan dan memberikan cerapan untuk membantu pengguna membuat keputusan kewangan termaklum. Bantuan kewangan ini boleh membantu individu dalam menguruskan perbelanjaan mereka dengan lebih berkesan, akhirnya memupuk kecekapan kewangan. Selain itu, *chatbot* dipacu AI membantu pelanggan dalam menavigasi perkhidmatan perbankan, menjadikan transaksi kewangan lancar dan mesra pengguna. Melihat kepada perkhidmatan pengangkutan, ianya kini secara asasnya telah berubah melalui

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

penyepaduan AI. Perkhidmatan perkongsian perjalanan, seperti Uber dan Grab, menggunakan algoritma AI untuk mengoptimalkan laluan, mengurangkan masa menunggu dan meningkatkan kecekapan.

Risiko, cabaran berkaitan penggunaan AI

Walaupun manfaat AI dalam aktiviti harian semakin jelas, adalah penting untuk mempertimbangkan potensi kelemahan AI serta risiko penggunaannya. Sebagai contoh, penggunaan AI menimbulkan isu kebimbangan privasi kerana penggunaan AI bergantung pada pengumpulan sejumlah besar data peribadi. Oleh itu pengguna mesti sentiasa berwaspada tentang keselamatan maklumat mereka. Selain itu, peningkatan pergantungan pada AI menimbulkan risiko pemindahan pekerjaan dalam sektor tertentu. Sebagai contoh, automasi dalam industri pembuatan dan perkhidmatan berpotensi menyebabkan kehilangan pekerjaan, menjadikannya penting untuk melabur dalam inisiatif memperbaharui semula kemahiran untuk pekerja yang terjejas.

Potensi perkembangan dalam AI pelbagai kemudahan tetapi juga mendatangkan kebimbangan. Oleh itu sebagai pengguna kita perlu sentiasa ingat untuk menggunakan AI dengan berhemah, bertanggungjawab dan untuk tidak bergantung sepenuhnya.





Menelusuri perjalanan sejarah EU di House of European History

Rencana dan Foto : Pg. Arsul Pg. Haji Abdul Momin, Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Pelbagai perspektif

Muzium ini menawarkan pameran yang sangat menarik malah sangat moden di mana pelbagai artifak infrastruktur dikumpulkan dalam muzium ini setelah ia berjaya dikumpulkan daripada kira-kira 200 muzium dan koleksi dari seluruh Eropah dan luar Eropah. Selain itu, muzium ini juga mempunyai pameran-pameran sementara, program pendidikan, acara untuk masyarakat tempatan dan pengunjung serta menawarkan penerbitan dan pelbagai maklumat di dalam talian.

Pameran tetap

Pameran tetap mempersembahkan sejarah politik, ekonomi, sosial dan budaya Eropah dalam susun atur kronologi, tetapi dengan pendekatan bertemakan dalam struktur ini. Fokus utamanya adalah pada sejarah Eropah Abad Ke-19 dan Ke-20, dengan sorotan semula terhadap proses dan peristiwa dari abad-abad sebelumnya yang penting bagi perkembangan benua ini. Tumpuan khas diberikan kepada sejarah integrasi Eropah.

Pameran sementara

Program House of European History juga merangkumi pameran sementara tahunan yang memberikan peluang untuk mengembangkan atau melanjutkan tema dan tempoh masa daripada pameran tetap.

Ini membolehkan pameran yang berbeza atau inovatif serta kandungan yang pelbagai, dengan cara yang menarik untuk pelbagai jenis audiens. Seperti pameran tetap,

pameran sementara ini juga menggunakan pendekatan rentas negara dan antara disiplin.

Pengalaman pengunjung

Pengunjung boleh menerokai sejarah Eropah mengikut kadar dan tahap kefahaman mereka sendiri, serta menyelami dengan lebih mendalam tema yang paling menarik minat mereka. Pelbagai alat dan kaedah museologi moden telah digunakan seluas mungkin, antaranya penyampaian kandungan secara berlapis, yang membolehkan lawatan dilakukan pada pelbagai tahap dan rentak.

Pengalaman pelawat dipelbagaikan melalui perubahan suasana dan jenis ruang, serta kepadatan objek dan ciri interaktif yang berbeza-beza. Elemen yang berulang seperti penanda aras menghubungkan topik-topik pameran.

Dibukakan kepada kunjungan orang ramai pada 6 Mei 2017, The House of European History untuk menjadi muzium terkemuka mengenai fenomena rentas negara yang telah membentuk benua Eropah.

Dengan mentafsir sejarah dari perspektif Eropah, ia menghubungkan dan membandingkan pengalaman yang dikongsi bersama serta pelbagai tafsirannya. Ia juga berhasrat untuk memulakan pembelajaran mengenai perspektif rentas negara di seluruh Eropah. Jika awda mempunyai kesempatan atau kebetulan berada di lokasi berkenaan, rebutlah peluang untuk berkunjung ke muzium ini dan menimba ilmu dalam mengetahui sejarah benua Eropah dan juga penyatuan EU.

PASTINYA jika berpeluang untuk menjejakan kaki ke benua Eropah, sesuatu yang perlu atau ada kalanya perlu untuk diketahui adalah sejarahnya, kerana tidak semua mempunyai peluang yang sama untuk merasakan atau menjejaki benua yang sejuk di mana keadaan tersebut jauh berbeza dengan keadaan cuaca di negara kita.

Program Brunei Darussalam Journalists' Visit to Brussels diteruskan lagi dengan mengadakan lawatan sambil belajar ke House of European History yang terletak di Parc Leopold, Brussels, Belgium.

Di muzium ini, para jurnalis dapat menyaksikan dengan lebih jelas akan beberapa peristiwa penting mengenai benua Eropah dan bagaimana Kesatuan Eropah atau European Union (EU) itu terbentuk. Daripada pameran fizikal kepada interaksi digital semua terdapat di muzium ini.

Sejarah muzium

Muzium ini dibina bagi memperlihatkan akan proses yang telah berlangsung selama beberapa dekad dalam mewujudkan EU yang setentunya memberikan kesan mendalam terhadap cara negara-negara Eropah mengatur dan mentadbir diri mereka.

European Parliament (EP) telah menubuhkan House of European History sekali gus memberikan peluang kepada orang ramai khususnya rakyat di benua Eropah untuk merenung proses sejarah

Eropah dan perkembangannya sehingga kini. EP percaya bahawa muzium ini boleh menjadi tempat perdebatan dan pemahaman tentang situasi semasa dari perspektif akar sejarahnya dan berdasarkan pengalaman sejarah.

Selain itu, House of European History merupakan sebuah platform untuk pembelajaran, renungan dan perdebatan, terbuka kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira usia dan latar belakang. Misi utama muzium berkenaan adalah untuk meningkatkan pemahaman tentang sejarah Eropah, menggalakkan pertukaran idea dan mencabar andaian yang sedia ada.

Muzium ini mempersembahkan sejarah Eropah dengan cara yang meningkatkan kesedaran tentang kepelbagaian perspektif dan tafsiran. Ia memelihara memori yang dikongsi bersama. Ia juga mempamer dan mengumpulkan sejarah integrasi Eropah serta asas-asasnya.

Koleksi rentas negaranya, pameran dan program - programnya memberikan pengalaman yang menarik dan memberi inspirasi. Melalui jangkauan masyarakat dan kerjasama, muzium ini bertujuan untuk mengukuhkan dimensi Eropah dalam perdebatan, pameran dan pembelajaran tentang sejarah.

Selain itu, ia juga sebagai tempat pertemuan dan pertukaran, tafsiran pelbagai dimensi terhadap masa lalu yang ditawarkan oleh muzium ini dalam membina jambatan kepada persoalan-persoalan yang relevan dengan Eropah masa kini.



LELAKI TEMPATAN DITAHAN, SELUDUP BARANG TEGAHAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



TEMBURONG, Rabu, 2 Julai. - Daerah Polis Temburong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya menumpaskan satu percubaan membawa barangan tegahan. Pada malam 30 Jun, pihak PPDB menerima maklumat awam mengenai sebuah kenderaan mencurigakan berada di kawasan Kampung Batu Apoi,

Temburong.

Anggota dari Balai Polis Bangar cuba menahan kenderaan tersebut di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, namun pemandu tidak mahu berhenti, sekali gus mencetuskan aksi kejar-mengejar. Kenderaan itu akhirnya berjaya ditahan di kawasan Kampung Serdang, Bandar Seri Begawan.

HASIL pemeriksaan ke atas kenderaan tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED).

Seorang pemandu lelaki warga tempatan berumur 47 tahun telah ditahan, manakala seorang lagi penumpang melarikan diri ke kawasan hutan. Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan tersebut menemui sebanyak 500 karton rokok pelbagai jenis yang disyaki sebagai barang tegahan.

Suspek bersama barang rampasan telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk siasatan lanjut.

PPDB merakamkan penghargaan kepada orang awam atas maklumat yang diberikan dan berharap kerjasama ini akan berterusan demi membanteras jenayah serta kegiatan yang menyalahi undang-undang.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai sebarang aktiviti jenayah diminta untuk menghubungi Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.

Operasi Bersih Sepadu Senegara dapati 68 kesalahan



ANTARA kesalahan yang didapati semasa Operasi Bersih Sepadu Senegara dilaksanakan di kawasan daerah dan bandaran di seluruh negara bermula 16 Jun 2025 sehingga 30 Jun 2025 (atas dan bawah).

■ Siaran Akhbar dan Foto: Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Julai. - Operasi Bersih Sepadu Senegara adalah salah satu inisiatif yang dilaksanakan di seluruh negara secara berterusan dengan objektif utama adalah bagi meningkatkan kesedaran orang ramai serta pematuhan

undang - undang khususnya mengenai kesalahan-kesalahan berkaitan dengan pengotoran di tempat-tempat awam dan pembuangan sampah sarap tanpa kebenaran.

Operasi kali ini melibatkan semua agensi penguatkuasaan

dari Jabatan-jabatan Daerah dan Bandaran yang dijalankan secara berkolaborasi dan serentak di kawasan daerah dan bandaran di seluruh negara bermula 16 Jun 2025 sehingga 30 Jun 2025.

Hasil daripada operasi berkenaan telah merekodkan sebanyak 68 jumlah kesalahan iaitu terdiri dari 35 buah syarikat dan 33 orang individu sepanjang operasi tersebut dijalankan.

Sehubungan dengan itu, orang ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggagal 30) seperti gambar yang dipaparkan.

Individu - individu dan syarikat-syarikat yang telah dikenakan tindakan kompaun adalah dikehendaki untuk membersihkan kawasan tersebut dan menjelaskan denda tersebut



Lelaki warga tempatan didenda miliki barangan tegahan

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

TUTONG, Rabu, 2 Julai. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND18,780 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Hajah Normazdina binti Haji Md. Maskub menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Hearulizan bin Tawi, berusia 47 tahun di Mahkamah Majistret Tutong, hari ini. Defendan mengaku bersalah atas kesalahan memiliki 12 karton dan 80 paket rokok pelbagai jenis.

Defendan ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Cawangan Kuala Belait di sebuah kediaman yang terletak di Kampung Batang Mitus, Tutong pada 12 Jun 2024, pukul 5.50 petang.

Kesemua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Miliki barang tegahan : Warga asing didenda

KUALA BELAIT, Khamis, 3 Julai. - Seorang lelaki warganegara Malaysia dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND16,312 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Syaffina binti Shahif menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Kho Wei Hong, berumur 32 tahun di Mahkamah Majistret Kuala Belait, hari ini.

Defendan mengaku bersalah dan didakwa memiliki 19 karton rokok, 13 paket dan 17 batang rokok pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap oleh Pegawai pegawai Pemeriksa Kastam, Bahagian Ketibaan Pos Kawalan Sungai Tujoh, Kuala Belait pada 1 Julai 2025, pukul 8.24 pagi. Kesemua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan pelupusan.

Bantu kesan Suwati

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Rabu, 2 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Panaga ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja perempuan warganegara Indonesia yang dipercayai lari daripada majikan.

Pekerja tersebut ialah Suwati, berusia 32 tahun, dengan nombor passport E9163976.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Panaga menerusi talian +673 3222955 atau Talian Kecemasan Polis

993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



SUWATI, berusia 32 tahun.

dalam masa tujuh hari.

Jika gagal, kes akan dihadapkan ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggagal 30) iaitu sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND9,000 bagi individu manakala bagi syarikat tidak melebihi BND30,000 atau penjara

tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Dalam hal ini juga, pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara ingin mengongsikan talian Hotline bagi sebarang aduan khusus dalam isu-isu kebersihan di negara ini bolehlah menghubungi +673 8321581.



UNDI TIDAK PERCAYA TERHADAP PRESIDEN SURUHANJAYA EROPAH DIJADUAL 10 JULAI

BRUSSELS, 3 Julai. - Usul undi tidak percaya terhadap Presiden Suruhanjaya Eropah Ursula von der Leyen akan dibahaskan pada 7 Julai dan diundi pada 10 Julai semasa sesi pleno Parlimen Eropah di Perancis, menurut seorang Ahli Parlimen Eropah (MEP) menerusi hantaran di platform X pada Khamis.

Laporan Anadolu Ajansi (AA) menyatakan bahawa usul itu diluluskan oleh Mesyuarat Persidangan Presiden (Conference of Presidents - COP) selepas memperoleh 79 tandatangan.

"Usul undi tidak percaya terhadap Ursula von der Leyen baru sahaja melepasi saringan COP. Terdapat 79 tandatangan. Ia akan dibahaskan Isnin depan dan diundi pada Khamis

di Strasbourg," menurut MEP Romania, Gheorghe Piperea yang membentangkan usul itu.

Usul itu berpunca daripada dakwaan bahawa von der Leyen melanggar piawaian ketelusan Kesatuan Eropah (EU) apabila enggan mendedahkan mesej teks dengan Ketua Pegawai Eksekutif Pfizer, Albert Bourla semasa rundingan vaksin COVID-19 pada

2021.

Walaupun Mahkamah Keadilan Eropah telah memihak kepada seorang wartawan yang memohon akses kepada mesej itu, Suruhanjaya masih belum mendedahkan kandungannya.

Dalam temu bual bersama Anadolu, Piperea turut menuduh Suruhanjaya bersikap hipokrit kerana mengenakan piawaian ketat

berkaitan kedaulatan undang-undang terhadap negara-negara Eropah Timur, namun melindungi dirinya daripada sebarang semakan.

Walaupun undi tidak percaya itu dijangka tidak mendapat sokongan majoriti ahli Parlimen, Piperea berpendapat ia tetap membawa mesej simbolik yang kuat. - ©BERNAMA

5 maut, 6 cedera dalam nahas helikopter tentera Uganda di Somalia

KAMPALA/MOGADISHU, 3 Julai. - Lima orang maut manakala enam lagi cedera selepas sebuah helikopter tentera Uganda terhempas pada Rabu di ibu negara Somalia, Mogadishu, menurut kenyataan tentera Uganda, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan itu, helikopter berkenaan membawa lapan anggota, termasuk enam anak kapal. Juruterbang, pembantu juruterbang dan jurutera penerbangan terselamat namun mengalami kecederaan serius serta melecur teruk. Penumpang lain terbunuh, manakala tiga orang awam di kawasan kejadian turut cedera.

Helikopter Mi-24 itu terhempas kira-kira 200 meter ke timur North Ramp di Lapangan Terbang Antarabangsa Aden Adde, Mogadishu, mengakibatkan letupan bahan letupan yang dibawanya serta menyebabkan kerosakan

pada struktur berdekatan, menurut kenyataan itu.

Semua yang cedera, termasuk anak kapal dan orang awam, telah dipindahkan ke hospital Misi Peralihan Kesatuan Afrika di Somalia (ATMIS) berdekatan untuk menerima rawatan.

Pasukan tindak balas kecemasan bersama yang terdiri daripada anggota bomba lapangan terbang Mogadishu dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, bersama pasukan pemusnah bahan letupan ATMIS, telah dikerahkan ke lokasi dan membantu operasi menyelamat.

Jurucakap tentera Uganda, Felix Kulayigye, berkata satu pasukan akan dihantar ke Mogadishu dalam masa terdekat bagi menyiasat punca nahas tersebut. Helikopter berkenaan sedang dalam perjalanan pulang daripada misi pengiring rutin ketika kejadian berlaku.

Tentera Uganda menolak kemungkinan helikopter itu diserang dari luar, dengan Kulayigye menjelaskan bahawa Mogadishu sebahagian besarnya telah dibersihkan daripada kumpulan militan al-Shabab, menjadikannya tidak mungkin helikopter Mi-24 itu ditembak jatuh.

"Sebagai helikopter serangan, ia membawa roket, jadi roket itulah yang menyebabkan kebakaran. Jika ia akibat tindakan dari luar, kami tidak perlu bercakap mengenai siasatan kerana kami sudah tahu puncanya," katanya.

Misi Sokongan dan Penstabilan Kesatuan Afrika di Somalia (AUSSOM) mengesahkan kejadian itu, menyatakan bahawa helikopter yang dikendalikan oleh Kontingen Angkatan Pertahanan Rakyat Uganda itu terhempas sekitar 7.30 pagi waktu tempatan (0430 GMT) selepas berlepas dari Lapangan Terbang Baledogle, kira-kira 90

kilometer di barat laut ibu negara Somalia.

"Tiga daripada lapan penumpang di dalam helikopter itu berjaya diselamatkan segera dan dihantar ke Hospital Tahap II AUSSOM di Mogadishu untuk rawatan," menurut kenyataan AUSSOM yang dikeluarkan di Mogadishu.

Pengarah Jeneral Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Somalia, Ahmed Macallin Hassan, berkata operasi penerbangan di lapangan terbang berjalan seperti biasa, walaupun sebahagian

landasan ditutup sementara akibat serpihan nahas.

Pada September lalu, tentera Uganda kehilangan sebuah helikopter pengangkut semasa penerbangan dari Mogadishu ke Lapangan Terbang Baledogle. Semua empat anggota pengaman di dalamnya terselamat dalam kejadian itu, menurut tentera.

Uganda merupakan antara negara penyumbang utama anggota tentera kepada misi pengaman Kesatuan Afrika di rantau Tanduk Afrika sejak 2007. - ©BERNAMA

Tiada kaitan antara vaksin COVID-19 dan kematian mengejut di India - Laporan

NEW DELHI, 2 Julai. - Kementerian Kesihatan India menegaskan bahawa tiada kaitan antara vaksinasi COVID-19 dan insiden kematian mengejut yang tidak dapat dijelaskan di negara itu.

Kenyataan itu dikeluarkan susulan laporan mengenai peningkatan kes kematian mengejut dalam kalangan golongan muda di India, hingga mencetuskan spekulasi meluas kononnya ia berpunca daripada vaksin COVID-19.

"Isu berkaitan kematian mengejut tanpa punca yang jelas telah disiasat beberapa agensi di India.

"Kajian-kajian ini secara tuntas membuktikan bahawa tiada hubungan langsung antara vaksinasi COVID-19 dengan kes kematian mengejut di negara ini," menurut kenyataan kementerian pada Rabu.

Kajian yang dijalankan oleh Majlis Penyelidikan Perubatan India (ICMR) dan Pusat Kawalan Penyakit Kebangsaan (NCDC) melibatkan kumpulan berumur antara 18 hingga 45 tahun mendapati bahawa vaksin COVID-19 yang digunakan di India adalah selamat.

"Kes kematian mengejut boleh berpunca daripada pelbagai faktor, termasuk genetik, gaya hidup, penyakit sedia ada dan komplikasi selepas dijangkiti COVID-19," menurut kementerian.

Kementerian turut memberi amaran bahawa dakwaan bersifat spekulatif yang mengaitkan kematian mengejut dengan vaksinasi boleh menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap keberkesanan dan keselamatan vaksin. - ©BERNAMA

Pengeksport Jerman saran EU tekankan defisit perkhidmatan ketika berunding dengan AS

BERLIN, 2 Julai. - Para pengeksport Jerman menasihati Kesatuan Eropah (EU) supaya kekal tenang dalam rundingan perdagangan dengan Amerika Syarikat dan mengingatkan Washington bahawa isu yang dipertaruhkan bukan sekadar barangan, tetapi juga sektor perkhidmatan, lapor agensi berita Jerman dpa.

"Brussels perlu kekal dengan pendiriannya, tidak panik dan turut menentengahkan sektor perkhidmatan, ketika EU mengalami defisit berbanding AS.

"Saya secara umumnya berpendapat bahawa EU sedang mengikuti pendekatan yang objektif dan strategik secara berhati-hati," kata Jandura.

"Ia berjaya menyatukan kepentingan negara-negara anggota ketika berunding dengan AS atas landasan yang seimbang dan melakukannya tanpa mencetuskan ketegangan," kata Presiden Persekutuan Perdagangan Borong, Perdagangan Luar dan Perkhidmatan Jerman (BGA), Dirk Jandura dalam temu bual yang diterbitkan oleh kumpulan media Bavaria pada Rabu.

Agensi berita itu turut melaporkan bahawa Presiden AS Donald Trump merancang untuk mengenakan tarif tambahan bermula 9 Julai sekiranya EU tidak memberikan konsesi kepada AS dalam isu-isu perdagangan.

Menurut kumpulan perdagangan itu, sekiranya EU gagal mencapai persetujuan dengan AS, ia tidak akan menjadi satu bencana.

Peranan penting AS sebagai rakan dagang wajar diiktiraf, namun tidak harus dibesar-besarkan.

"Jika tiada penyelesaian baik dapat dicapai dengan AS, ia pasti membawa kesan negatif. Namun, itu bukanlah pengakhiran segalanya. Kita harus kekal tenang dan berfikir waras," kata Jandura. - ©BERNAMA

ILO, Indonesia perkasa PMKS tempatan untuk pelancongan hijau

JAKARTA, 2 Julai. - Kementerian Pelancongan Indonesia telah bekerjasama dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) bagi membantu perniagaan pelancongan kecil dan kampung membudayakan amalan mesra alam sebagai sebahagian usaha yang lebih meluas ke arah sektor pelancongan yang lebih mampan.

Usaha itu menyasarkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui program 'latihan untuk pelatih' yang diadakan di Yogyakarta dari 16 hingga 22 Jun, dengan penyertaan 22 penggiat pelancongan tempatan, menurut kenyataan kementerian itu.

"Inisiatif ini menyokong peralihan Indonesia ke arah ekonomi yang lebih hijau, kitaran, inklusif dan kaya

dengan peluang pekerjaan," kata Penolong Timbalan Setiausaha Bahagian Peningkatan Kapasiti Masyarakat, Kementerian Pelancongan, Ika Kusuma Permana Sari.

Beliau berkata 12 peserta akan dipilih sebagai pelatih utama untuk membimbing 100 PMKS dalam koridor pelancongan Borobudur-Yogyakarta-Prambanan, kawasan strategik yang terkenal dengan warisan budaya dan jumlah pengunjung yang tinggi.

PMKS terlibat terdiri daripada sektor penginapan, perkhidmatan makanan, kraf, lawatan dan pengurusan sisa, yang menerima latihan praktikal mengenai model perniagaan mesra alam, pengurusan kewangan dan amalan

mampan yang disesuaikan dengan keperluan mereka.

"Para pelatih ini dijangka menjadi pemangkin perubahan di peringkat akar umbi dengan membimbing perniagaan untuk mengamalkan kaedah yang mampan," kata Ika.

Beliau menyatakan harapan agar perkongsian dengan ILO dapat membantu membina ekosistem usahawan yang lebih peka terhadap alam sekitar dalam sektor pelancongan.

Pelancongan hijau semakin menjadi tumpuan di Asia Tenggara apabila kerajaan dan badan antarabangsa mendesak model ekonomi yang lebih mampan sebagai tindak balas kepada perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar. - ©BERNAMA

6 juta data pelanggan Qantas terjejas dalam serangan siber

SYDNEY, 2 Julai. - Syarikat penerbangan Australia, Qantas mengesahkan bahawa data sehingga enam juta pelanggannya diakses oleh penjenayah siber, lapor agensi berita Jerman dpa.

Dalam kenyataan pada Rabu, Qantas memaklumkan bahawa insiden itu berlaku apabila seorang penjenayah siber menyusupkan pusat panggilan dan berjaya menceroob sistem khidmat pelanggan yang dikendalikan oleh pihak ketiga.

Bagaimanapun, sistem berkenaan berjaya dikawal dan tiada sebarang kesan terhadap operasi mahupun keselamatan penerbangan Qantas.

Menurut syarikat, platform pihak

ketiga terbabit menyimpan rekod perkhidmatan kira-kira enam juta pelanggan dan aktiviti mencurigakan dikesan pada Isnin.

"Kami masih menyiasat sejauh mana jumlah data yang telah dicuri, namun kami menjangkakan skala kebocoran ini adalah besar," menurut Qantas.

Hasil semakan awal menunjukkan maklumat yang terjejas termasuk nama pelanggan, alamat e-mel, nombor telefon, tarikh lahir dan nombor keahlian *frequent flyer*.

Namun Qantas menegaskan bahawa sistem itu tidak menyimpan maklumat kad kredit, data kewangan peribadi atau butiran pasport. Akaun keahlian pelanggan juga tidak digodam dan tiada kata laluan,

nombor PIN atau maklumat log masuk yang terdedah.

Qantas turut memaklumkan bahawa pelanggan yang terlibat sedang dihubungi secara berperingkat bagi memaklumkan situasi sebenar dan bantuan yang tersedia.

"Kami memohon maaf kepada para pelanggan dan mengakui insiden ini menimbulkan ketidakpastian," kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Qantas, Vanessa Hudson.

Beliau berkata bahawa pihak syarikat kini bekerjasama rapat dengan pakar keselamatan siber kerajaan Australia bagi menyiasat dan menangani isu berkenaan. - ©BERNAMA

OPEC AKAN ADAKAN SEMINAR TENAGA PENTING PADA 9-10 JULAI



VIENNA, 4 Julai. - Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) akan mengadakan Seminar Antarabangsa OPEC kesembilan dari 9 hingga 10 Julai, menghimpunkan pemimpin tenaga global ke Vienna untuk membincangkan isu utama industri dan mengukuhkan kerjasama, lapor Xinhua.

Bertemakan 'Charting Pathways Together: The Future of Global Energy', acara dua hari itu akan menampilkan pameran, sesi menteri dan meja bulat peringkat

tinggi dengan pelbagai pemimpin industri dijangka mengambil bahagian.

Menurut laman sesawang rasmi seminar itu, antara penceramah yang disahkan termasuk Presiden Persidangan OPEC 2025, Mohsen Paknejad; Timbalan Perdana Menteri Iraq bagi Hal Ehwal Tenaga merangkap Menteri Minyak, Hayan Abdulghani Abdulzahra Alsawad dan Menteri Minyak dan Gas Libya, Khalifa Rajab Abdulsadek.

Menurut buletin OPEC, antara topik dalam agenda termasuk kestabilan pasaran, keselamatan

tenaga, pelaburan, teknologi dan inovasi, perubahan iklim, peralihan tenaga dan kemiskinan tenaga.

"Seminar Antarabangsa OPEC telah mendapat pengiktirafan global berikutan rekod penganjuran yang cemerlang dari segi kualiti penceramah dan peserta serta kualiti perbincangan yang menangani isu paling mendesak berkaitan industri tenaga," kata Setiausaha Agung OPEC, Haitham Al Ghais menjelang penganjuran acara penting itu.

Siri Seminar Antarabangsa OPEC bermula pada 2001.

Seminar Antarabangsa OPEC kelapan yang diadakan pada 2023 mencatatkan penyertaan tertinggi dengan lebih 1,000 hadirin, termasuk 17 menteri dari negara

anggota OPEC dan bukan OPEC, 18 CEO, 13 ketua organisasi antarabangsa dan 89 wartawan. - ©BERNAMA

Iran buka semula ruang udara kepada penerbangan domestik, asing, transit

TEHRAN, 4 Julai. - Iran pada Khamis membuka semula ruang udaranya kepada penerbangan domestik, asing dan transit antarabangsa, menurut Kementerian Jalan Raya dan Pembangunan Bandar, lapor Xinhua.

Keputusan itu dibuat selepas mendapat kelulusan Pertubuhan Penerbangan Awam Iran serta penilaian keselamatan dan sekuriti yang terperinci berdasarkan keadaan semasa negara itu, kata kementerian berkenaan dalam satu kenyataan di laman sesawangnya.

Kenyataan itu memaklumkan penerbangan telah disambung semula ke dan daripada Lapangan

Terbang Antarabangsa Mehrabad dan Lapangan Terbang Antarabangsa Imam Khomeini di ibu negara Tehran, serta lapangan terbang di wilayah utara, timur, barat dan selatan negara, kecuali di Isfahan dan Tabriz yang terletak di wilayah tengah dan barat laut Iran.

Menurut kenyataan itu, lapangan terbang di Tehran serta wilayah utara, barat dan selatan kini mengendalikan penerbangan domestik dan asing dari 5.00 pagi hingga 6.00 petang waktu tempatan (1.30 pagi hingga 2.30 petang GMT).

Ia turut memaklumkan ruang udara di bahagian timur dibuka kepada penerbangan domestik,

asing dan transit antarabangsa sepanjang masa, manakala ruang udara di wilayah tengah dan barat dibuka kepada penerbangan antarabangsa yang melalui kawasan itu.

Kementerian itu memberi jaminan bahawa lapangan terbang di Isfahan dan Tabriz akan beroperasi semula sebaik sahaja infrastruktur dapat disediakan.

Iran menutup ruang udaranya pada 13 Jun susulan serangan udara Israel ke atas Tehran dan kawasan lain. Selepas 12 hari konflik udara, kedua-dua negara mencapai persetujuan gencatan senjata pada 24 Jun. - ©BERNAMA

Isu Ambalat : Cadangan pembangunan bersama belum dimuktamadkan

JAKARTA, Julai 4. - Timbalan Menteri Luar Malaysia, Datuk Mohamad Alamin berkata cadangan Malaysia dan Republik Indonesia membangunkan potensi ekonomi secara bersama (JD) di kawasan Laut Sulawesi belum lagi dimuktamadkan.

Beliau berkata pelbagai proses perlu diambil kira terlebih dahulu, terutamanya mendapatkan pandangan serta persetujuan daripada Kerajaan Sabah.

Mekanisme perundingan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah yang sedia ada akan digunakan sepenuhnya termasuk Majlis Tindakan Perlaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor dan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg, katanya.

"Apapun, JD di Laut Sulawesi merupakan hal yang masih dalam pertimbangan dan sememangnya belum lagi dimuktamadkan," katanya dalam satu hantaran di Facebook pada Jumaat.

Mohamad berkata cadangan JD di Laut Sulawesi membabitkan ND6 dan ND7, atau dirujuk oleh Republik Indonesia sebagai 'Ambalat', dilaporkan memiliki simpanan sumber asli seperti minyak dan gas yang signifikan bukanlah sesuatu yang baharu.

Malah, katanya pada 2022 perdana menteri ketika itu pernah mengarahkan pihak Petronas untuk mempertimbangkan kajian mengenai cadangan JD berkaitan.

Terbaru, Mohamad memaklumkan bahawa isu

berkaitan blok ND6 dan ND7 turut dibangkitkan semasa lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Jakarta pada 27 Jun.

"Perkara ini memang ada dibincangkan. Namun demikian, ianya belum lagi dimuktamadkan. Bahkan, Perdana Menteri sendiri menyebut bahawa kepentingan Sabah dalam perkara ini mesti diambil kira dan dilihat secara adil," jelasnya.

Mohamad berkata Malaysia dan Republik Indonesia masih tidak boleh mencari gali kedua-dua blok ini berikutan ia masih dalam pertikaian dari sudut persempadanan maritim antara kedua-dua buah negara.

"Melihat kepada potensi ekonomi yang signifikan ini - sementara proses pemuktamadan persempadanan maritim di Laut Sulawesi antara kedua-dua buah negara berjalan - ada pihak mencadangkan agar Malaysia dan Republik Indonesia membangunkan potensi ekonomi ini secara bersama," katanya.

Mohamad menekankan bahawa proses untuk memuktamadkan sempadan maritim di Laut Sulawesi merupakan usaha jangka panjang dan kompleks, yang dilaksanakan menerusi sebuah Jawatankuasa Teknikal yang diterajui oleh Kementerian Luar.

Jawatankuasa dianggotai pelbagai agensi kerajaan termasuk Kerajaan Sabah, Majlis Keselamatan Negara (Sabah), Pejabat Peguam Negara (Sabah), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Tanah

dan Ukur Sabah serta agensi teknikal lain yang berkaitan.

Mohamad menegaskan bahawa Kerajaan Malaysia tetap komited untuk meneliti secara mendalam dan mencapai persefahaman bersama berhubung perkara ini melalui rundingan yang berteraskan mekanisme sedia ada.

Dalam apa jua perkembangan, kedaulatan negara serta kepentingan strategik, khususnya melibatkan Sabah, akan terus dijaga dan dipertahankan sebaiknya, tegas Mohamad.

Beliau berkata perjanjian persempadanan maritim yang dimeterai dengan Republik Indonesia pada 2023 tidak menjejaskan hak wilayah atau kedaulatan Malaysia ke atas perairan timur Sabah.

Beliau berkata Triti Laut Sulawesi yang dimeterai pada 8 Jun 2023, dikenali sebagai Triti Sulawesi 2023, hanya meliputi kawasan di separa perairan wilayah di pantai timur Sabah dan tidak merangkumi Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia.

"Perjanjian tersebut tidak meliputi kawasan yang dikenali sebagai blok ND6 dan ND7, atau dirujuk oleh Republik Indonesia sebagai 'Ambalat', yang terletak dalam ZEE Malaysia sejauh 200 batu nautika," katanya.

Mohamad juga menepis dakwaan kononnya Kerajaan Malaysia telah mengeneipkan hak serta kedaulatan Sabah kepada Republik Indonesia susulan pemeteraian Triti Sulawesi 2023. - ©BERNAMA

Kabel dasar laut baharu akan dibina antara Finland, Sweden

HELSINKI, 4 Julai. - Pembinaan kabel dasar laut baharu yang menghubungkan Sweden dan Finland telah dimulakan secara rasmi, menurut GlobalConnect, penyedia infrastruktur digital terkemuka di rantau Nordic, dalam satu kenyataan pada Khamis.

Xinhua melaporkan inisiatif itu bertujuan meningkatkan kapasiti penghantaran data merentasi rantau Baltic.

Menurut GlobalConnect, projek itu adalah bagi memenuhi permintaan untuk infrastruktur gentian optik yang selamat dan berkapasiti tinggi yang berkembang pesat, didorong oleh pengembangan pusat data utama dan hab kecerdasan buatan di rantau Nordic.

"Penambahan laluan baharu masuk dan keluar dari rantau Nordic bukan sekadar untuk menghantar lebih banyak data - ia juga menyediakan laluan alternatif yang kritikal," kata Naib Presiden Kanan GlobalConnect Carrier, Par Jansson sambil menekankan bahawa ia mengurangkan risiko gangguan atau kerosakan yang disengajakan serta memastikan trafik data dapat diteruskan walaupun satu laluan terjejas.

Selain kabel dasar laut sepanjang 150 kilometer itu, GlobalConnect juga akan menaik taraf infrastruktur daratnya.

Ini termasuk pemasangan kira-kira 365 kilometer kabel gentian optik baharu dari Helsinki ke Turku di barat daya Finland, melalui Kepulauan Åland (sebuah wilayah autonomi Finland), dan dari Stockholm ke Gavle di timur Sweden - bagi meningkatkan kapasiti untuk jumlah trafik data yang lebih tinggi.

Jumlah pelaburan bagi projek itu dianggarkan sebanyak 14 juta euro (AS\$16.46 juta). Tinjauan dasar laut di Laut Baltic telah bermula pada separuh pertama 2025, dengan kabel dijangka beroperasi menjelang akhir 2026. (1 euro = AS\$1.18). - ©BERNAMA

EAIC dedah pegawai imigresen langgar prosedur kemasukan warga Ghana

PUTRAJAYA, 4 Julai. - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) sedang menjalankan siasatan terhadap seorang pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang didakwa tidak mematuhi prosedur berkaitan kebenaran kemasukan warga Ghana ke Malaysia melalui Pejabat Imigresen Bukit Kayu Hitam, Kedah.

EAIC dalam kenyataan hari ini, memaklumkan menerima aduan pada 18 November 2024 dan siasatan mendapati berlaku ketidakpatuhan prosedur oleh pegawai terlibat.

"Siasatan mendapati pegawai terbabit telah melanggar perenggan 4.1 Pekeliling Imigresen Malaysia (PIM) Bil. 19 Tahun 2002, yang memperuntukkan bahawa pemegang pasport negara-negara Afrika hanya dibenarkan masuk ke Malaysia melalui pintu masuk udara sahaja," menurut kenyataan itu.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan merujuk kes berkenaan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib JIM dengan syor agar tindakan tatatertib dikenakan terhadap pegawai terbabit di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993], susulan kesalahan ingkar perintah seperti diperuntukkan di bawah Peraturan 4(2)(i) peraturan sama. - ©BERNAMA

Indonesia perluas operasi pencarian selepas feri karam di Selat Bali

JAKARTA, 4 Julai. - Pasukan mencari dan menyelamat meneruskan operasi pada awal pagi Jumaat bagi mengesan mangsa feri yang karam di Selat Bali, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pasukan mencari dan menyelamat kini 'berlumba' dengan masa dan keadaan laut yang berubah-ubah. Operasi bersama yang diketuai Agensi Mencari dan Penyelamat Nasional (Basarnas) akan diteruskan setiap hari dari 6 pagi hingga 7 malam sekurang-kurangnya selama tujuh hari mengikut protokol nasional, kata pegawai.

"Operasi diteruskan dan kami berharap dengan doa semua, lebih ramai mangsa dapat ditemui dalam keadaan selamat," kata Ketua Basarnas, Muhammad Syafii.

Sekurang-kurangnya enam orang disahkan maut manakala 29 lagi masih hilang, menurut pihak berkuasa. Seramai 30 orang berjaya diselamatkan.

Feri Tunu Pratama Jaya karam lewat Rabu malam ketika melakukan pelayaran rutin. Ia membawa 65 orang dan beberapa trak kargo dari Pelabuhan Ketapang di Jawa Timur ke Gilimanuk di Bali apabila ia mula dimasuki air dalam keadaan yang masih belum jelas.

Sumber tambahan telah digerakkan bagi operasi itudengan penyertaan penyelamat khas, helikopter dan dron. Balai polis tempatan di sepanjang pantai Banyuwangi juga bekerjasama dengan nelayan tradisional bagi memantau arus dan kemungkinan serpihan hanyut. - ©BERNAMA



BANK BAIDURI MEMETERAI MOU BAGI KEJOHANAN GOLF AMAL

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



HADIR bagi penandatanganan MoU antara Bank Baiduri dan QAF Auto ialah Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri yang juga selaku Presiden Baiduri Masters 2025, Ketua Pegawai Eksekutif QAF Brunei dan Pengurus Besar QAF Auto.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 Julai. - Bank Baiduri dan rakan-rakan kongsi bagi acara Baiduri Masters 2025 pagi tadi mengadakan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) berlangsung di Bilik Pameran QAF Auto BMW.

Tahun ini menandakan Kejohanan Golf Amal Bank Baiduri Edisi Ke-27 yang akan

berlangsung di Kelab Golf Pantai Mentiri bermula dari 1 hingga 3 Ogos 2025 dan 8 hingga 10 Ogos 2025.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan penandatanganan MoU antara Bank Baiduri dan QAF Auto. Menandatangani bagi pihak Bank Baiduri ialah Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui; dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengiran

Azaleen bin Pengiran Dato Haji Mustapha yang juga selaku Presiden Baiduri Masters 2025.

Manakala menandatangani bagi pihak QAF Brunei, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Albert Lau; dan Pengurus Besar QAF Auto, Alisa Khoo menandatangani selaku saksi.

Majlis diteruskan dengan penandatanganan MoU antara Bank Baiduri dan QAF Prestige. Menandatangani bagi pihak Bank Baiduri ialah Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif; manakala Albert Lau pula menandatangani bagi pihak QAF Brunei dan Timbalan Pengurus Besar QAF Prestige, Daniel Loo, menandatangani sebagai saksi.

MoU ketiga dan terakhir dimeterai antara Bank Baiduri dan Brunei Press yang ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif bagi pihak Baiduri Bank, manakala Albert Lau pula menandatangani bagi pihak QAF Brunei dan Pengurus Besar Brunei Press, Dayang Anafiah binti Omar, menandatangani sebagai saksi.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, dalam

ucapan alu-aluannya berkata, sepanjang tiga dekad yang lalu, Baiduri Masters telah berkembang menjadi salah satu acara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang paling dinanti-nantikan di Negara Brunei Darussalam dan mencerminkan kerjasama serta matlamat yang menjadi pemacu utama mereka.

Sejak penubuhannya pada 1995, kejohanan golf amal ini telah menjadi platform bagi para penaja, pemain golf dan golongan masyarakat secara menyeluruh dalam usaha membantu mereka yang memerlukan.

"Bersama - sama kita membentuk masa depan yang lebih cerah, satu pukulan pada satu masa," ujarnya lagi.

Kesemua hasil daripada kutipan kejohanan tersebut akan disumbangkan kepada lima pertubuhan amal, iaitu Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNAB), Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC), Learning Ladders Society (LLS), La Vida Berhad, dan SMARTER Brunei.

Pada 2024, kejohanan tersebut melibatkan hampir 650 pemain golf dan berjaya mengumpul

BND64,000 untuk tujuan amal.

Para peserta akan bersaing untuk merebut Trofi Cabaran, yang diperkenalkan pada edisi ke-25, serta Jacket Hijau yang berprestij. Di samping itu, para pemain golf juga berpeluang memenangi hadiah *hole-in-one* termasuk BMW iX, Porsche Macan, MINI Aceman, serta wang tunai BND20,000.

Pendaftaran akan dibuka bermula 5 Julai 2025, dengan yuran tetap, iaitu Kategori Lelaki, Kategori Wanita dan Kategori Veteran berjumlah BND120, manakala Kategori Junior berjumlah BND60.

Pendaftaran secara dalam talian melalui platform Maribali di www.maribali.com.bn akan menerima kadar diskaun BND115 untuk Kategori Lelaki, Kategori Wanita dan Kategori Veteran.

Pendaftaran juga boleh dibuat dengan mengisi borang pendaftaran dan membuat bayaran penuh di kaunter pendaftaran Kelab Golf Pantai Mentiri. Borang pendaftaran boleh dimuat turun secara dalam talian atau diperolehi terus di kelab golf tersebut.

Untuk maklumat lanjut atau memuat turun borang pendaftaran, sila lawati www.baiduri.com.

Sekolah Sukan FC bangkit cipta kemenangan sulung

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League



ANTARA aksi perlawanan di antara Sekolah Sukan FC dengan Supastrikas yang berlangsung di Kompleks Sukan Batu Apoi.

TEMBURONG, Jumaat, 4 Julai. - Sekolah Sukan FC berjaya bangkit di babak kedua untuk meraih kemenangan sulung selepas mengejutkan Supastrikas pada persaingan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria di Kompleks Sukan Batu Apoi, di sini.

Pasukan didikan Aminuddin Jumat jelas menampilkan permainan yang lebih mantap

dengan melakukan lebih banyak serangan yang pantas bagi mencari jaringan awal namun barisan pertahanan Supastrikas lebih kukuh untuk ditembusi.

Sekalipun menampilkan permainan yang berhati-hati, Supastrikas yang juga mengidamkan sentuhan kemenangan sulung, lebih awal berasa lega apabila Md. Adrian Zizry berjaya memecah kebuntuan

jaringan walaupun terpaksa menunggu sehingga minit ke-40 untuk mendahului lawan 1 - 0.

Sementara babak kedua menyaksikan permainan semakin menarik dengan kebangkitan Sekolah Sukan FC yang berjaya mengikat jaringan pada minit ke-64 menerusi sentuhan Md. Azri Daniel selepas menerima umpanan menarik dari sepakan sudut.

Manakala, Md. Shaqeel Qays Wafri Mohd. Suhardi pula menjadi wira pasukan Sekolah Sukan FC menerusi sentuhan sepakan sudut lencong yang berjaya menerjah masuk ke gawang pasukan lawan pada minit ke-71 untuk kedudukan 2 - 1 sekali gus menghadihkan kemenangan sulung untuk Sekolah Sukan FC.

"Kemenangan sulung ini menjadi suntikan semangat buat pasukan kami. Sebelum ini kami telah berusaha dengan gigih memantapkan pasukan.

"Kami bertekad untuk memberikan saingan yang terbaik pada perlawanan seterusnya," jelas Md. Shaqeel Qays Wafri.

Sementara itu, PKT FT

membalut kehampaan minggu lalu dengan menewaskan Shada FT dengan jaringan 6 - 1, di Padang Arena Seria.

Kemenangan besar PKT FT tersebut diperoleh menerusi jaringan hatrik Atupelle Naimu pada minit ke-17, ke-87 dan ke-90.

Manakala, Bayu Eka Maulana

pula menambah kekecewaan kepada Shada FT pada minit ke-34 dan ke-90 sambil Danish Aoasya Khoo Muhammad Syazwan turut menarik perhatian menerusi jaringan pada minit ke-65.

Sementara jaringan sagu hati Shada FT diperoleh menerusi Muhd. Saifullah Sifiga pada minit ke-59.

Tahukah Awda

BAGI pendaftaran lesen anjing, anjing-anjing peliharaan yang didaftarkan hendaklah berusia tiga bulan ke atas sebelum 1 Februari pada tiap-tiap tahun sama ada anjing yang baru dimiliki ataupun mana-mana anjing peliharaan yang pernah didaftarkan lesen dan lencana anjing sebelum ini dan telah tamat tempoh. Harga lesen anjing bagi setiap seekor anjing adalah BND5, manakala bayaran pendaftaran bagi mendapatkan lencana anjing berharga BND3. Anjing yang telah didaftarkan perlu dikalungkan lencana pada setiap masa. Bagi pemilik berdaftar yang mempunyai lencana anjing tetapi tidak dikalungkan pada anjing tersebut juga adalah satu kesalahan di bawah Bab (5) dari Akta Anjing Penggal 60 iaitu dikenakan denda BND250 atau sebulan penjara.

SUMBER : www.moha.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA AMALKAN BUDI PEKERTI DAN TINGKAH LAKU YANG MULIA